


**Jilid I
Bil. 50**



**Hari Rabu
16hb Januari, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4841]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 4872]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 16hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAANKELAHIRAN BAYI OLEH
BIDAN KAMPUNG

1. **Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengawal kelahiran bayi oleh bidan-bidan kampung yang tidak dilatih.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat lebih kurang 4,000 bidan kampung di Semenanjung Malaysia dan 3,023 orang daripadanya telah didaftarkan. Juga lebih kurang 1,750 telah diberi latihan selama 3 minggu dalam bidang kesihatan, cara-cara aseptik dan cara-cara melahirkan bayi dengan selamat. Baru-baru ini Kementerian ini telah menjalankan satu kajian tentang bidan-bidan kampung dan didapati masih terdapat bidan-bidan kampung yang tidak didaftarkan, melahirkan bayi. Oleh yang demikian, satu jawatan-kuasa telah ditubuhkan di Kementerian Kesihatan untuk mengkaji implikasi-implikasi pembukaan pendaftaran bidan kampung dan juga sama ada undang-undang perbidanan perlu dipinda. Di samping itu, satu rancangan latihan untuk bidan-bidan kampung sedang diaturkan khasnya bagi mereka yang berada di kawasan-kawasan di mana tidak adanya kemudahan kesihatan yang mencukupi pada masa ini. Di samping itu juga, usaha-usaha untuk menambah bilangan

bidan-bidan dan jururawat-jururawat desa di kawasan-kawasan luar bandar dipergiatkan dan bidan-bidan dan jururawat-jururawat desa ditempatkan di luar bandar bagi menampung keperluan tenaga terlatih yang sangat-sangat dikehendaki untuk menolong supaya bayi-bayi itu dapat dilahirkan dengan cara lebih terselamat oleh bidan-bidan Kerajaan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masih banyak lagi bidan-bidan kampung yang tidak terlatih yang tererti anak-anak kita yang dilahirkan itu bulat-bulat kita serahkan kepada bidan-bidan kampung yang tidak terlatih. Tidakkah ini pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri satu perkara yang tidak bertanggungjawab. Dalam masa negara kita sudah merdeka begitu lama kita masih lagi menyerahkan nasib bayi-bayi kita yang dilahirkan itu kepada bidan-bidan yang jahil yang semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sudah membacakan bagaimana peratus bayi-bayi yang mati di negeri Trengganu disebabkan oleh bidan-bidan yang jahil ini. Bolehkah ataupun tidak mulai daripada sekarang ini kalau sekiranya hendak dibiarkan bidan-bidan kampung itu meneruskan perkhidmatannya mereka itu mesti diberi latihan bukan setakat 3 minggu sebagaimana yang dikatakan, 3 minggu tentu tidak mencukupi Yang Berhormat Timbalan Menteri, mesti diberikan mereka itu latihan yang secukupnya.

Kedua, Kerajaan mesti mengadakan bidan-bidan yang terlatih dengan secukupnya untuk memproses pekerjaan itu sesuai dengan negara kita ini negara yang sedang membangun yang sudah merdeka begitu lama. Bolehkah dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tuannya soalan ini, saya tidaklah dapat menerima bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas masalah ini bahkan seperti mana saya sebutkan di sini tadi usaha sentiasa dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengelakkan supaya bidan-bidan kampung itu tidak melahirkan anak itu. Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, ada di kalangan mereka itu lebih suka kepada bidan kampung daripada bidan-bidan terlatih Kerajaan oleh kerana dua sebab.

Satu daripada sebabnya ialah ada perkhidmatan (service) yang tidak dapat diberikan oleh bidan-bidan Kerajaan. Umpamanya, pertama, bidan-bidan kampung dapat tinggal bersama-sama dengan yang hendak melahirkan anak itu bermalam-malam. Kedua, ada extranya, Tuan Yang di-Pertua; bidan-bidan kampung itu pandai mengurus yang mana ini urut dengan cara benar (*Ketawa*). Jadi service seperti ini tidak ada diberi oleh bidan-bidan Kerajaan.

Selain daripada itu masalah latihan yang saya sebutkan tadi, mengikut pendapat Kementerian ini selama 3 minggu itu sekarang didapati mencukupi. Walau bagaimanapun, jika sekiranya difikirkan perlu melanjutkan lagi latihan mereka kepada 6 minggu ataupun lebih lama lagi, insya Allah ini akan diambil perhatian bahkan seperti saya katakan tadi ini adalah dalam kajian pihak Kementerian Kesihatan.

Mengenai boleh atau tidak Kerajaan melatih banyak lagi bidan ini, memang sentiasa dibuat tiap-tiap tahun kita melatih banyak bidan-bidan ini. Tetapi masalah supply and demand itu kadangkala banyak sangat orang melahirkan anak dan juga di tempat-tempat yang mempunyai prioriti yang lebih kita terpaksa hantar terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, di negeri Trengganu kita mempunyai rancangan-rancangan bagi menghantar lebih lagi bidan di kawasan-kawasan yang terpencil, khususnya kawasan-kawasan yang terlalu tersekat di waktu musim tengkujuh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada tiga soalan tambahan yang saya hendak berikan. Pertama sekali adakah menjadi satu kesalahan kepada Kementerian Kesihatan sekiranya anak itu dilahirkan oleh

bidan yang tidak berdaftar seperti bidan kampung. Yang kedua, adakah terdapat selama ini bayi yang dilahirkan ini bidannya itu orang lelaki. Ketiga, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa penduduk di luar bandar sangat terpengaruh dengan urut. Adakah ini dibuat satu kajian bahawa bidan yang dilatih di pusat-pusat latihan itu dimasukkan satu mata pelajarannya dalam bahagian urut-mengurut ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, masalah sama ada menjadi kesalahan kalau seorang bayi itu dilahirkan oleh seorang bidan yang tidak berdaftar, saya tidak ada mengkaji Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, ada kemuskilan jika sekiranya kita mengatakan merupakan satu kesalahan besar apabila seorang bidan yang tidak berdaftar melahirkan anak, ini merupakan satu perkara yang tidak realistic kerana bilangan bidan yang berdaftar sekarang adalah tidak mencukupi. Jadi, tujuan kita mendaftarkan bidan-bidan ini supaya dapat kita mengawal mereka dan dapat kita ketahui di mana mereka dan juga memberi latihan dan nasihat yang tertentu.

Masalah bidan lelaki ini saya tidak tahu sama ada ada atau tidak, walaupun ada saya dengar baru-baru ini ada bapa menjadi bidan kepada anaknya. Tetapi ini bukanlah merupakan satu perkara yang berleluasa.

Masalah memasukkan urut dalam bidang pelajaran bidan ini, saya akan menyampaikan cadangan Yang Berhormat itu kepada Pengarah Latihan dan Tenaga supaya ianya dapat ditimbang. Sama ada ianya dapat diterima atau tidak kita akan dapat tahu kelak.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bidan-bidan yang sudah terlatih di hospital itu memotong pusat anak yang baru lahir belum masanya, sehingga menyebabkan maut anak-anak ini. Ini sudah dua tiga kejadian yang membuat pengaduan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kes-kes yang tertentu. Walau bagaimanapun, bidan ini terlatih, mereka itu tahu bila masa yang patut

mereka kerat talipusat itu. Saya rasa ke-matian ini bukan akibat daripada pengeratan itu, masanya sudah tiba untuk dia kembali kepada Allah. Itu sahaja.

TEBU TEMPATAN

2. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kilang gula yang terdapat di Malaysia dan sama ada syarikat ini semuanya memproses tebu tempatan dari kawasan ladangnya sendiri; jika ya, nyatakan luas ladang tebu di Semenanjung Malaysia sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini terdapat 5 buah kilang gula di negara ini. Bilangan tersebut tidak termasuk Syarikat Gula Negeri Sembilan Sdn. Bhd. yang telah ditutup baru-baru ini. Dua daripadanya iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad dan Central Sugars Bhd. adalah merupakan kilang penapis gula daripada gula mentah yang diimport. Sementara tiga lagi merupakan kilang gula bersatu (integrated sugar projects) iaitu Kilang Gula Felde Perlis Sdn. Bhd; Gula Padang Terap Bhd. di Kedah, dan Gula Perak Berhad. Ketiga-tiga kilang tersebut memproses dan mengeluarkan gula daripada tebu-tebu dari ladangnya sendiri dan jumlah keluasan ladang tebu di Semenanjung Malaysia mengikut kedudukan pada tahun 1978 ialah 43,196 ekar.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah ladang-ladang tebu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru tadi, adalah usahasama daripada Kementerian Perindustrian dengan Perbadanan Negeri ataupun tidak. Kalau ada usahasama ini, saya hendak bertanya di negeri mana? Kedua, kalau tidak ada usahasama, saya cadangkan di Dewan ini tiap-tiap kilang gula di tanahair kita ini hendaklah dibuat usahasama dengan Kementerian yang berkenaan bagi kemajuan dan kebaikan di masa depan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, semua kilang gula bersatu yang mempunyai ladang untuk menanam tebu

tidak ada usahasama dengan Kementerian saya, tetapi ada usahasama dengan Perbadanan Ekonomi di negeri yang terletak kilang gula itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Jikalau sesuatu kilang gula memproses gula daripada tebu sampai ke gula putih boleh atau tidak kilang itu juga ditolong oleh Kerajaan, sebab kebanyakan daripada kilang-kilang ini diberi oleh Kerajaan Negeri (SEDC). Boleh atau tidak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menimbangkan supaya kilang tebu ini memproses raw sugar yang diambil daripada luar negeri.

Kedua, boleh atau tidak sekiranya Kerajaan meluluskan satu daripada kilang-kilang gula yang memproses tebu, daripada tebu ke gula putih, boleh atau tidak Kerajaan melihatkan kesesuaian tempat itu bersama-sama supaya jangan rugi seperti Gula Bahau, Gula Negeri Sembilan. Boleh atau tidak dibuat begitu supaya jangan Kerajaan, kalau Kerajaan Negeri ada bersama menaruh modal, boleh atau tidak Kementerian melihatkan supaya jangan nanti rugi macam kilang Gula Negeri Sembilan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, mengikut feasibility study kalau kilang yang bersatu (integrated sugar mills) itu memproseskan gula daripada tebu, kalau pengeluaran tebu mengikut apa yang dijangka, boleh dikatakan viable. Apa yang terjadi ialah satu dua kilang itu pengeluaran tebu tidak seperti yang dijangka dan ini telah menimbulkan kos pengeluaran tebu atau gula mentah yang keluar daripada tebu itu sudah tinggi kalau dibanding dengan harga gula mentah yang diimport. Pada masa yang lampau ada satu dua kilang integrated itu yang mana tidak dapat bekalan cukup untuk menggunakan kapasiti kilang gula itu diberi kebenaran untuk mengimport gula mentah supaya kos pengeluaran itu dapat diselaras-kan, kadang-kadang ini ada terjadi.

Soalan tambahan kedua, bertanya mengenai kos pengeluaran?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Yang sebenarnya, mengenai kilang tebu, bukan raw sugar, tetapi daripada tebu betul-betul. Bolehkah pihak Kerajaan bukan sahaja Kerajaan Negeri mengadakan joint

venture (feasible atau tidak) tetapi Kementerian juga menengokkan supaya soil condition juga diselidik supaya jangan sugar content itu kurang dan sebaliknya water content pula banyak jadi tidak berapa feasible. Tidakkah sepertimana yang terjadi di Negeri Sembilan di mana Kerajaan Negeri rugi dekat \$100 juta yang mana wangnya datang daripada Kerajaan Pusat juga. Dengan sebab itu supaya jangan kejadian ini berlaku, boleh atau tidak kita mengkaji sebelum dikeluarkan lesen-lesen ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang kajian ini dibuat tetapi yang Kementerian saya tahu tempat yang sesuai untuk menanam tebu ialah di bahagian utara negeri Kedah termasuklah negeri Perlis, Trengganu dan Kelantan. Di bawah kawasan itu suasana dan lain-lain faktor itu tidakkah berapa sesuai untuk tanaman tebu. Dan pada masa yang lampau pengujudan kilang-kilang itu untuk menanam tebu yang mula-mula ada dijangka di Johor dan juga Perak serta Negeri Sembilan dan mengikut penganjur syarikat-syarikat itu ada barangkali faktor yang lain yang Kementerian saya tidak tahu tetapi pada masa sekarang, saya rasa Kementerian saya kalau kita hendak buat perakuan, tidak boleh kilang gula dibuat menggunakan gula mentah yang dibuat daripada tebu itu di bawah daripada utara negeri kita ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan. Adakah oleh sebab Kerajaan sudah meneliti di antara perkembangan ladang menanam tebu, kemudian diproses tebu dengan kilang yang kita bawa bahan gula mentah itu daripada luar negeri yang mana lebih baik kita nasihatkan kepada pengusaha dalam negeri ini untuk langkah mereka.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini ada sebab-sebab yang tertentu. Kalau kita cuma ada kilang untuk memproses gula mentah, ini tidak akan memberi faedah yang lebih jika dibanding dengan satu kilang integrated yang mana kalau kita ada ladang dan tanam tebu, itu mesti memberi faedah yang lebih. Begitu juga ia dapat memberi lebih pekerjaan di dalam ladang-ladang itu dan dalam peringkat pertama, kita cuma membenarkan kilang gula yang menggunakan gula mentah yang diimpot.

Dalam kes yang kedua, kita menggalakkan menanam tebu di dalam negara kita ini supaya kita boleh menggunakan gula mentah. Ini mendatangkan lebih faedah kepada negara kita. Tetapi seperti apa yang saya katakan tadi feasibility project itu bergantung atas viability menanam tebu dengan kos yang boleh dibandingkan dengan kos gula mentah yang kita impot.

HASIL EKSPOT MINYAK MENTAH

3. Tuan Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil negara dari mengekspot minyak mentah dalam enam (6) bulan yang pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil ekspot yang diterima oleh Malaysia dari ekspot minyak mentah bagi enam bulan pertama pada tahun 1979 ialah sebanyak \$1,620.9 juta.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah kewangan hasil negara bagi ekspot minyak mentah dalam enam bulan sebanyak \$1,620 juta, bolehkah Majlis ini diberitahu berapa jumlah sebanyak enam bulan itu hasil wang negara kita untuk membeli minyak daripada luar negeri.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya ialah sebanyak \$836 juta sebagai impot minyak mentah. Tetapi ini tidak semestinya datang daripada hasil, kerana hasil ini pergi kepada Kumpulanwang Yang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Puan Dasimah Dasir: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

LAPANGAN TERBANG SENAI

4. Puan Dasimah binti Dasir (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lapangan terbang Senai tidak digunakan sepenuhnya dan jika sedar apakah tindakan

beliau akan ambil untuk menggunakan lapangan terbang yang telah menelan belanja yang banyak itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sentiasa berusaha dan berikhtiar supaya lapangan terbang Senai dapat digunakan dengan sepenuhnya bukan sahaja berasaskan kepada permintaan penumpang melalui lapangan terbang tersebut dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ tetapi juga sentiasa berusaha menggalakkan penggunaan lapangan terbang itu sepenuhnya.

Kemajuan ini dapat diperhatikan dari semasa ke semasa berasaskan kepada penambahan bilangan penumpang dan kapal terbang yang menggunakannya seperti berikut:

Tahun	Bil. Penumpang	Bil. Kapal terbang
1974	16,707	1,108
1975	24,432	1,180
1976	29,752	1,224
1977	30,624	1,252
1978	37,061	2,028
1979 (Hingga Oktober)	34,404	1,880

Pada masa ini MAS menjalankan perkhidmatannya pergi dan melalui lapangan terbang Johor Bahru adalah seperti berikut:

- (i) 3 kali seminggu dengan menggunakan pesawat B737 antara Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan balik.
- (ii) 4 kali seminggu dengan menggunakan pesawat B737 antara Kuala Lumpur dan Johor Bahru.
- (iii) 7 kali seminggu dengan pesawat F27 antara Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru.
- (iv) 1 kali seminggu dengan menggunakan pesawat F27 antara Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching.

Di masa akan datang penambahan penerbangan melalui Johor Bahru mulai 1hb April 1980, adalah seperti berikut:

- (i) 7 kali seminggu dengan menggunakan pesawat B737 antara Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching.

- (ii) 4 kali seminggu dengan menggunakan pesawat B737 antara Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.
- (iii) 7 kali seminggu dengan menggunakan pesawat F27 antara Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru.
- (iv) 1 kali seminggu dengan menggunakan pesawat F27 antara Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching.

Walau bagaimanapun Kerajaan masih berusaha meningkatkan lagi penggunaan lapangan terbang tersebut dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Memberi potongan 50% ke atas bayaran pendaratan dan bayaran meletak kapal terbang untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan menggunakan lapangan terbang itu.
- (ii) Menyedia dan memperbaiki kemudahan-kemudahan serta ruang Kargo untuk menggalakkan penggunaan Lapangan terbang tersebut sebagai sebuah Pusat Kargo Udara.
- (iii) Membina "maintenance apron" dan kemudahan "hangers" untuk menjadikan lapangan terbang tersebut sebagai sebuah pusat penyelenggaraan pesawat-pesawat di rantau ini.
- (iv) Memperbesarkan landasan bagi membolehkan pendaratan pesawat yang lebih besar seperti B707 dan B747.

ROMBONGAN PELABURAN KE EROPAH

5. Dato' Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkenaan dengan lawatan rombongan pelaburan kita ke Eropah dalam bulan Oktober untuk menarik pelaburan asing:

- (a) sama ada keadaan Kampuchea mempengaruhi iklim pelaburan di rantau ini;
- (b) hasil yang didapati dalam lawatan itu; dan
- (c) jumlah wang pelaburan yang dijanjikan sehingga akhir bulan November, 1979.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan (a) iaitu sama ada keadaan Kampuchea mempengaruhi iklim pelaburan di rantau ini, sukalah saya memberitahu iaitu memang terdapat perasaan kurang senang di kalangan para pelabur Eropah tentang peristiwa yang sedang berlaku dan perasaan ini adalah sepertimana yang dirasakan oleh rakyat Malaysia dan rakyat-rakyat negara ASEAN. Walau bagaimanapun, mereka pada amnya, memandang keadaan tersebut sebagai terkawal dan tidak ada kemungkinan akan menjejaskan kedudukan politik serta iklim pelaburan di Malaysia.

Mengenai soalan (b) dan (c), sukalah saya memaklumkan iaitu saya telahpun menjawab soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh pada 12-12-1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

BANTUAN AMERIKA SYARIKAT KEPADA THAILAND

6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Amerika Syarikat akan memberi bantuan senjata kepada negeri Thai untuk menghadapi musuh dari luar, jika ya, sama ada Malaysia telah bersiap sedia untuk menghadapi musuh dari luar atau dalam negeri dengan menambahkan kekuatan senjata peperangan tentera kita.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Amerika Syarikat ada memberi bantuan senjata kepada negara Thai untuk pertahanannya. Ini diketahui oleh umum kerana kedua negara mempunyai perjanjian kerjasama pertahanan yang telah terjalin semenjak beberapa tahun dahulu.

Mengenai persiapan negara kita, saya sudahpun membuat penjelasan di Dewan ini baharu-baharu ini, saya fikir penjelasan ini memadai untuk masa sekarang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah menyatakan iaitu di Kelantan

akan dibuat satu base untuk air force untuk training centre. Adakah ini juga untuk persiapan pertahanan kita pada hari akan datang sebab base ini besar?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, semua kemudahan-kemudahan ada kaitannya dengan konsep pertahanan menyeluruh.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menjawab beberapa kali tentang pertahanan negara, saya ingin bertanya satu soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masa Peperangan Dunia Kedua 33,000 tentera Jepun telah mengalahkan 160,000 tentera British. Tentera British tidak dapat membalas atau menahan negara Malaya oleh sebab mereka cuma menjadi tentera penjajah sahaja. Tetapi keadaan pada masa sekarang pertahanan negara adalah di dalam tangan rakyat. Oleh sebab keadaan di Asia Tenggara dan juga di dalam dunia amat berubah, kita cuma nampak tentera Soviet Union bergerak di Afghanistan dan tentera Vietnam bergerak di Kampuchea tetapi kita tidak nampak begitu hebatnya atau seriusnya tentera-tentera angkatan bersenjata kita bergerak atau berlatih dalam Malaysia ini. Oleh kerana itu rakyat melalui Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin bertanya apakah contingency plan yang sedang diambil pada masa sekarang.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bercakap fasal Peperangan Dunia Kedua dan ingin hendak memberi satu ajaran bahawa jikalau tentera British tidak dapat mengelakkan kedatangan tentera Jepun dahulu, maka mungkin juga kita tidak dapat mempertahankan negara kita. Tetapi dia lupa kedudukan pada masa itu adalah lemah kerana "policy of withdrawal on the part of the colonial powers." Ini dia tidak sebut. Jadi, sekarang ini kita yang mempertahankan negara kita. Kita tidaklah mempunyai polisi yang berasas sama macam polisi penjajah pada masa itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat mengatakan tidak ada latihan, barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri tidak cukup periksa. Exercises

atau, berapa geladi-geladi, kita telah jalankan dan telahpun disebut dalam akhbar. Ini beliau tidak juga nampak. Kalau latihan hari-hari memanglah dalam kem, kita tidak berlatih di luar kem.

Berkenaan hal contingency plan, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah saya boleh bercakap contingency plan kita di Dewan ini. Kalau saya sebutkan hasil daripada pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini, bererti saya menolong pihak musuh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan Thailand telah mempunyai perjanjian kerjasama dengan Kerajaan Amerika. Dengan adanya perjanjian ini tidakkah menjejaskan konsep ASEAN yang mahu aman, bebas dan berkecuali di kawasan ASEAN dan dengan ini boleh atau tidak kita mengikut jejak langkah apa yang dibuat oleh Thailand iaitu kita buat perjanjian kerjasama pertahanan dengan Amerika pula?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, konsep Deklarasi Kuala Lumpur adalah konsep yang mesti diperkembangkan (develop) dari satu masa ke satu masa. Asasnya ialah keadaan yang kita warisi, di mana sudah ada base di Filipina dan sudah ada perjanjian pertahanan di antara Thailand dengan Amerika. Ini telah diketahui orang. Jadi, ini tidak diruntuhkan melainkan keadaan konsep itu telah dapat pengiktirafan oleh semua pihak, khasnya pihak kuasa-kuasa besar. Dalam kita menjalankan keamanan, konsep ini bukan membabit neutrality sahaja, tetapi juga soal keamanan dan kebebasan seluruh rantau ini. Tidakkah bijak kita membuang payung kalau ada hujan.

KERETAPI UTARA-SELATAN

7. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesesakan dalam keretapi penumpang, terutama bagi perkhidmatan keretapi Utara-Selatan; jika sedar, apakah langkah keselamatan yang diambil untuk keselamatan penumpang-penumpang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesesakan dalam keretapi penumpang, terutama bagi perkhidmatan keretapi utara selatan. Oleh yang demikian, tindakan telah diambil oleh Keretapi Tanah Melayu untuk mengurangkan keadaan kesesakan ini dengan menambah bilangan coach penumpang setakat yang boleh di tren-tren tersebut. Langkah keselamatan yang lain juga telah diambil seperti memberi nasihat kepada penumpang-penumpang supaya jangan berdiri di tempat-tempat yang dilarang dan merbahaya melalui pembesar suara di stesen-stesen serta melalui notis-notis pemberitahu yang dipamirkan di tiap-tiap pintu coach, mengenai perkara-perkara yang tidak seharusnya dilakukan semasa menaiki tren.

BERITA DI RADIO/TV

8. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa RTM semasa dalam siaran beritanya memberi keutamaan dan masa kepada ucapan-ucapan Menteri dan ucapan pembukaan bangunan dan lain-lainnya dan tidak kepada berita-berita dan kejadian-kejadian yang lebih menarik sama ada kisah tempatan ataupun antarabangsa, dan sama ada beliau akan mengambil tindakan supaya berita itu akan lebih menarik.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, anggapan seseorang terhadap berita-berita dan kejadian-kejadian yang dikatakan "lebih menarik" adalah satu perkara yang relatif kepada pendapat masing-masing. Ada orang yang menganggap berita-berita mengenai kes-kes jenayah, kekejaman dan sebagainya sebagai menarik manakala ada yang menganggap perkara-perkara pembangunan pula sebagai lebih menarik kepada mereka.

Sebagai media Kerajaan, RTM perlu memberi tekanan utama kepada berita-berita yang membayangkan hasrat, dasar dan usaha-usaha pembangunan Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan sebahagian daripada perkara tersebut adalah didapati daripada ucapan-ucapan Menteri dan peristiwa-peristiwa pembukaan rasmi projek-projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dengan menyiarkan peristiwa-peristiwa

seperti itu, berita yang berkenaan juga melaporkan "message" yang boleh dijadikan panduan kepada rakyat. Ia juga membayangkan penyertaan atau sambutan rakyat dalam rancangan-rancangan pembangunan negara, iaitu satu amalan yang perlu dan penting dalam negara demokrasi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Bagaimana dan dengan apa carakah wartawan-wartawan asing (foreign correspondents) dapat mengeluarkan satu-satu berita mengenai Malaysia yang kadang-kadang berita itu menarik, tetapi wartawan-wartawan tempatan tidak dapat peluang untuk mengeluarkan dalam suratkhbar tempatan. Bagaimana wartawan-wartawan asing dapat berita daripada negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain.

PEGAWAI UNDANG-UNDANG— PERLETAKAN JAWATAN

9. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Undang-undang menyatakan mengapa banyak Majistrates dan D.P.P. berhenti dari Perkhidmatan Kerajaan dan sama ada tanggagaji mereka akan diperbaiki di masa hadapan.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, perletakan jawatan oleh Pegawai-pegawai Undang-undang termasuk Majistrate dan Timbalan Pendakwa Raya adalah satu keputusan peribadi mereka sendiri dan mereka tidak menyatakan sebab-sebab kenapa mereka berhenti kerja apabila membuat permohonan sedemikian ataupun apabila mereka memberi notis berhenti kerja.

Bagi menjawab bahagian kedua pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan buat masa ini tidak ada rancangan bagi pihak Kerajaan untuk mengadakan pembaikan dari segi gaji kepada Pegawai Undang-undang oleh kerana sebagaimana Yang Berhormat maklum Jawatankuasa Kabinet telah mengkaji semula kedudukan tanggagaji pegawai-pegawai yang berkenaan dan pendapatan mereka dari segi gaji adalah lebih baik daripada masa-masa yang lepas. Dalam pada itu suka saya menyatakan bahawa pihak

Kementerian yang berkenaan adalah mencari jalan supaya memperbanyakkan lagi jawatan-jawatan di peringkat tinggi supaya bilangan-bilangan jawatan di peringkat tinggi ada lebih lagi banyaknya daripada masa-masa yang lepas.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya berpeluang berjumpa dengan seorang Majistrate yang meletakkan jawatan yang posting akhirnya ialah di Kuala Krai. Dia menyatakan bahawasanya gajinya tidak cukup dan dia terpaksa mengundurkan diri daripada jawatan Majistrate. Adakah Kerajaan sedar dan bercadang hendak mengadakan sebuah Suruhanjaya bagi mengkaji gaji-gaji Majistrate ini supaya bersepadan dengan kedudukan dan kelulusannya?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada kemungkinan bahawa pegawai-pegawai ini telah meninggalkan jawatan di dalam Kerajaan dengan harapan mendapat pendapatan yang agak lebih lumayan di luar. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa tidak semestinya pendapatan seorang peguam di luar itu lumayan kerana setakat yang saya tahu ada peguam-peguam yang menjalankan kerjanya sendiri dalam mana pendapatannya itu tidak begitu lumayan sebagaimana yang diperolehi oleh pegawai-pegawai dalam Jabatan Kerajaan. Dalam pada itu, sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan sentiasa mengkaji soal semakan gaji mereka dan ini adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji dan ini dikaji dari masa ke semasa memandangkan kepada keseluruhan struktur gaji semua kakitangan Kerajaan.

PESAKIT DI HOSPITAL—KAWALAN

10. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan berlakunya beberapa kecurian barang-barang berharga dari para pesakit dan terdapatnya orang-orang yang tidak bertanggungjawab merayau-merayau di kawasan hospital, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengetatkan kawalan di hospital-hospital di negeri ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pesakit-pesakit tidak digalakkan membawa barang-barang yang berharga ke hospital. Walau bagaimanapun, seseorang pesakit yang memiliki barang-barang berharga, adalah dinasihatkan supaya menyerahkan barang-barang tersebut kepada kakitangan di hospital untuk disimpan di tempat yang selamat.

Pihak Pentadbir Hospital seboleh-bolehnya mencegah orang-orang yang tidak ada urusan yang tertentu dari masuk ke kawasan hospital-hospital dan wad-wad di luar waktu melawat. Langkah-langkah adalah sentiasa diambil untuk mengetatkan lagi kawalan-kawalan di hospital-hospital dengan cara mengambil lebih ramai lagi pengawal-pengawal, dan memagar kawasan-kawasan hospital supaya gerak-geri orang ramai yang datang ke hospital dapat diawasi dengan lebih rapi. Tindakan-tindakan ini diharapkan akan dapat mencegah orang-orang yang tidak bertanggungjawab daripada dapat masuk ke kawasan-kawasan dan wad-wad hospital.

INFLASI DUNIA—TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA

11. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan dalam persidangan kewangan antarabangsa untuk mengawasi inflasi dunia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dicadangkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa untuk membendung inflasi negara-negara maju dan yang sedang membangun adalah seperti berikut:

Pertama, negara-negara diseru supaya berhati-hati dalam melaksanakan dasar-dasar kewangan dan fiskal mereka. Disiplin kewangan dan fiskal yang lebih ketat daripada masa lalu adalah diperlukan untuk mengurangkan tekanan-tekanan permintaan dan di samping itu membentras saikoloji inflasi dan mengukuhkan keyakinan.

Kedua, adalah perlu daya pengeluaran ditambah dan kecekapan ekonomi ditinggikan yang mana sekarang ini sangat berkurangan di kebanyakan negara-negara. Langkah ini akan memperbaiki kedudukan penawaran dan paras-paras tabungan dan pelaburan yang tinggi untuk digunakan bagi tujuan-tujuan produktif.

Ketiga, memandangkan kenaikan kos tenaga seperti minyak mendorong kenaikan inflasi, semua negara-negara diseru untuk menjimatkan tenaga dan mencari sumber-sumber tenaga yang baru.

Keempat, satu dasar pendapatan yang berkesan mungkin akan dapat membendung inflasi di negara-negara di mana kos buruh meningkat dengan kadar yang cepat.

Kelima, negara-negara perlu mengurangkan cukai-cukai perlindungan ke atas import barang keluaran bertanding, khususnya dari negara-negara membangun, yang mana harganya adalah lebih rendah.

Beberapa negara pada masa ini telahpun memberikan keutamaan kepada usaha memerangi inflasi. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang telah diambil setakat ini masih belum berkesan lagi dan inflasi masih lagi merupakan satu masalah yang besar di kebanyakan negara. Contohnya, bagi tahun 1979 inflasi di Amerika adalah pada kadar 11%, di United Kingdom 14% dan di negara-negara jiran kita pula, Indonesia 22%, Filipina 12%, Thailand 13%, India 18%, Korea 30%, Bangladesh 12%, Sri Lanka 13%, Hongkong 17%. Langkah-langkah yang lebih ketat bagi memerangi inflasi agak sukar diadakan oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang lembab di kebanyakan negara dan juga oleh keperluan untuk mengatasi masalah pengangguran.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kenaikan harga minyak oleh Negara-negara OPEC dari semasa ke semasa sama ada kadar inflasi di dalam Malaysia dapat dikawal dengan berkesan dan dalam paras yang rendah pada masa akan datang.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sukar saya hendak memberi jawapan yang tepat mengenai soalan yang telah dikemukakan itu, tetapi sebagaimana rakyat semua maklum Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai tindakan dan telahpun mengemukakan berbagai-bagai langkah supaya dapat mengawal kenaikan harga, terutama sekali harga barang-barang keperluan rakyat. Jadi setakat ini kita belum lagi dapat menentukan apakah bentuk rupa harga yang akan berlaku di masa-masa akan datang tetapi setakat ini kita dapat meramalkan bahawa kita dapat mengawal kenaikan harga, iaitu kadar inflasi pada paras 5% sehingga 6% bagi tahun 1980.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Malaysia juga sedang bercadang hendak mencari sumber tenaga yang baru bagi mengatasi inflasi pada masa akan datang dan kalau dapat Yang Berhormat Mulia Tengku huraikan apakah sumber tenaga yang baru yang akan kita usaha ikhtiarkan.

Yang kedua, pertumbuhan ekonomi Malaysia ini adakah pada dasarnya lembab, kering ataupun segar.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Soalan pertama itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah luar daripada soalan asal tetapi untuk makluman Yang Berhormat saya bolehlah memberi penjelasan dengan ringkas bahawa Kerajaan sedang mencari punca-punca lain untuk menambah tenaga untuk kegunaan dalam negara ini.

Yang kedua, saya sukalah menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi kita ini amatlah menggalakkan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku oleh kerana inflasi ini satu daripada sebab yang penting adalah oleh kerana harga minyak terus naik. Boleh atau tidak negeri-negeri dalam dunia ini ber-sidang dan menetapkan supaya jangan negeri yang mengeluarkan minyak ini terus-menerus tiap-tiap tahun naik dengan tidak ada batasnya, kalau tidak begitu, terus-menerus tentu naik dan manusia dalam

dunia ini lebih susah dan inflasi terus-menerus naik. Apa jalannya supaya kerajaan-kerajaan di dunia ini boleh berpakat dengan kerajaan-kerajaan yang mengeluarkan minyak ini supaya jangan selalu naikkan harga. Apa jalan-jalannya yang kita mesti ambil?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa salah kalau kita hendak menganggap bahawa inflasi ini adalah didorongkan oleh kerana kenaikan harga minyak keluaran negara-negara OPEC kerana inflasi ini tidak kerana kenaikan harga minyak semata-mata, tetapi juga kerana daya pengeluaran dalam satu-satu negara terutama sekali negara maju telah berkurangan dan tidak bertambah dan cara mereka mengendalikan dasar kewangan serta fizikalnya tidak berketentuan dan ini melibatkan implikasi politik yang menyebabkan pengangguran dan sebagainya telah membawa kepada kekesanan untuk menyemak gaji dan sebagainya. Itulah yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang.

Negara-negara OPEC yang mengeluarkan minyak mentah misalnya, terpaksa mengimpot kebanyakan daripada barang-barang yang diperlu oleh rakyat negara-negara itu. Jadi, mereka tidak dapat membayar import-import dengan harga yang tinggi oleh kerana mereka telah mendapat bayaran yang rendah bagi minyak-minyak yang dikeluarkan olehnya. Itulah sebab mereka menyemak dari masa ke semasa.

Lagipun tukaran mata wang biasanya yang disimpan dalam dollar Amerika hasil daripada penjualan minyak mentahnya berkurangan ataupun turun dari masa ke semasa jika dibandingkan dengan matawang yang lain. Itulah sebab pihak negara-negara OPEC terpaksa menyesuaikan pendapatannya dengan perbelanjaan.

PELABUHAN PORT DICKSON

12. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak membaiki dan membesarkan Pelabuhan Port Dickson.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada rancangan untuk memperbaiki dan membesarkan Pelabuhan Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan saya, kerana soalan ini adalah bersamaan dengan soalan Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Mohamad yang telah pun dijawab.

(Soalan No. 13 ditarik balik)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

RUMAH HARGA RENDAH

14. Dato' Sulaiman Ninam Shah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan berapakah jumlah rumah-rumah harga rendah yang dibina tiap-tiap tahun oleh Kerajaan dan juga oleh sektor-sektor swasta.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan berbagai program perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Perlaksanaan program-program tersebut dijalankan oleh sektor-sektor awam dan swasta. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sektor awam akan membina 241,300 yunit rumah manakala sektor swasta dirancangan akan membina 312,000 yunit rumah.

Bagi mencapai matlamat pembinaan di atas, terutama bagi rumah-rumah harga rendah yang berharga \$25,000 ke bawah, Kementerian saya telah dan akan mengambil langkah-langkah tegas bagi menambahkan lagi pembinaan rumah-rumah tersebut. Dari segi kewangan Kerajaan telah menambahkan lagi peruntukan kepada sektor awam di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$3,142.1 juta

untuk membina 241,300 yunit rumah. Di bawah program Perumahan Awam Kos Rendah yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya, peruntukannya juga telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta bagi membina 73,506 yunit rumah.

Bagi menambahkan lagi keupayaan Kerajaan membina rumah awam kos rendah dengan lebih banyak dan cepat, tenaga profesional dan teknikal di Jabatan Perumahan Negara akan dilipatgandakan lagi. Begitu juga tenaga pengurusan dan perancangan projek di peringkat negeri telah dan akan ditambah dengan penubuhan Yunit Perumahan di Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Mengenai pembinaan rumah-rumah harga rendah oleh pemaju-pemaju swasta adalah ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan ini bergantung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa pemaju-pemaju swasta hanya membina rumah-rumah yang berharga sederhana dan tinggi sahaja, kecuali di mana Kerajaan Negeri mengenakan syarat di mana pemaju-pemaju tersebut hendaklah juga membina rumah-rumah harga rendah. Kementerian saya sedar mengkaji semula peranan pemaju-pemaju perumahan swasta dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dan perlu untuk melibatkan pemaju-pemaju swasta di dalam rancangan untuk membina lebih banyak rumah-rumah harga rendah pada masa hadapan. Di samping itu juga, galakan dan insentif yang tertentu juga telah diberikan oleh Kementerian saya kepada sektor swasta membina lebih banyak lagi rumah harga rendah yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Berhubung dengan rumah-rumah harga rendah yang dibina oleh sektor awam dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, sehingga bulan September, 1979 sejumlah kira-kira 76,515 yunit rumah telah disiapkan oleh sektor awam yang sebahagian besarnya adalah merupakan rumah-rumah harga rendah. Kira-kira 92,492 yunit lagi adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Jumlah

unit rumah yang dibina tiap-tiap tahun oleh sektor awam sejak Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan unit siap	
1976	...	16,429
1977	...	21,027
1978	...	27,499
1979	...	11,518
(hingga September)		
	Jumlah	76,472

Bilangan unit rumah yang akan disediakan dalam tahun-tahun yang akan datang di jangka akan bertambah dengan adanya usaha yang gigih dan langkah yang positif yang sedang dijalankan sekarang oleh agensi-agensinya Kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

HARGA BARANG DI KEDAI RUNCIT

15. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) bilangan syarikat peniaga dan kedai runcit yang telah dikenakan denda oleh sebab tidak meletakkan tanda harga barang-barang pada 1978 dan 1979; dan
- (ii) bilangan syarikat-syarikat atau kedai runcit yang ditarik lesen peniaga mereka, jika ada.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kedai runcit yang telah didakwa kerana tidak meletakkan tanda harga barang-barang pada tahun 1978 ialah sebanyak 35. Bagi tahun 1979 sehingga 12-11-1979 sebanyak 21 tindakan mahkamah telah diambil.

Soalan Ahli Yang Berhormat bahagian yang kedua tidaklah begitu jelas, jika lesen peniaga yang dimaksudkan merupakan lesen barang-barang kawalan, suka saya memaklumkan iaitu setakat ini belum ada

lesen-lesen syarikat-syarikat atau kedai-kedai yang telah ditarik balik. Apa yang Kementerian saya lakukan ialah untuk menggantung (suspend) lesen-lesen tersebut bertujuan untuk membuat siasatan dan sekiranya didapati mereka melakukan penyelewengan, maka tindakan akan diambil dan kemungkinan akan membatalkan lesen-lesen mereka.

PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA/INGGERIS/TAMIL DI SEKOLAH-SEKOLAH

16. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk meninggikan taraf pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil di Sekolah-sekolah SRJK (T) di negeri ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian saya ialah seperti berikut:

(1) *Sukatan Pelajaran*

Kementerian saya sedang mengkaji semula Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk Sekolah-sekolah Rendah dari segi kandungan serta susunan isi kandungan sukatan-sukatan tersebut. Langkah ini bertujuan supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris itu dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan diperkembangkan lagi mengikut prinsip-prinsip perkembangan bahasa murid-murid pada satu-satu peringkat.

Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan untuk mengkaji semula sukatan Pelajaran Bahasa Tamil dengan tujuan meninggikan mutu pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah-sekolah Tamil.

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran menjalankan kajian mengenai satu sukatan Pelajaran cubaan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negeri ini dan pegawai-pegawai dari Unit Bahasa Tamil di

Pusat Perkembangan Kurikulum melawat sekolah-sekolah yang berkenaan dari semasa ke semasa untuk menilai kemungkinan serta kemampuan Suktan Pelajaran cubaan yang tersebut.

Pegawai-pegawai dari Jemaah Nazir Sekolah dan Pengelola-pengelola dan Penolong Pengelola-pengelola di negeri-negeri dan Kementerian saya juga melakukan lawatan dari semasa ke semasa ke Sekolah-sekolah Tamil dan memberi panduan dan nasihat ikhtisas dalam pengajaran bahasa Tamil.

(2) *Kursus*

Kementerian saya sekarang ini sedang giat menjalankan Kursus Dalam Perkhidmatan kepada guru-guru Bahasa Malaysia serta guru-guru bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Rendah dalam pengkaedahan mengajar kedua-dua bahasa itu di sekolah-sekolah rendah. Kursus tersebut diadakan di beberapa Institusi Pendidikan dalam negeri ini seperti di Maktab Perguruan Bahasa dan Universiti Malaya. Kursus tersebut juga dijalankan di peringkat negeri di mana kursus ini dijalankan pada tiap-tiap hujung minggu.

(3) *Bacaan Tambahan*

Kementerian sekarang ini sedang giat menjalankan projek bacaan tambahan untuk Bahasa Inggeris. Boleh dikatakan semua Sekolah Rendah telah dibekalkan dengan bacaan "New Zealand Readers". Buku-buku disusun di dalam beberapa set dan tiap-tiap set ini pula mengandungi tidak kurang daripada 30 tajuk buku yang digredkan mengikut senang atau susah sesuatu buku itu.

Untuk Bahasa Malaysia pula satu projek bacaan tambahan Bahasa Malaysia untuk Sekolah-sekolah Rendah akan dilancarkan oleh Kementerian saya. Pelaksanaan projek ini kelak akan bergantung kepada bekalan buku-buku bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia yang terdapat di dalam pasaran buku-buku hari ini. Buat masa ini terdapat tanda-tanda menunjukkan banyak cerita-cerita pendek telah dikarang dalam Bahasa

Malaysia. Buku-buku dalam projek-projek ini akan digredkan mengikut kebolehan bahasa murid-murid pada sesuatu peringkat.

Sebarang langkah dalam projek ini tidak akan dapat mendatangkan faedah yang maksima sekiranya semua pihak yang berkenaan kurang memberi tumpuan terhadap pembelajaran serta penggunaan bahasa-bahasa tersebut.

**PENDATANG HARAM VIETNAM
DI MALAYSIA**

17. Dato' Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram Vietnam dalam Malaysia pada akhir bulan November, 1979;
- (b) jumlah yang diterima dan meninggalkan Malaysia dari bulan Januari hingga akhir bulan November, 1979; dan
- (c) jumlah pendatang haram yang baru datang ke Malaysia pada bulan November, 1979.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jumlah pendatang haram, Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan November, 1979 ialah 35,387.

Jumlah yang diterima dan meninggalkan Malaysia dari bulan Januari: masuk 50,805, keluar 64,000.

Jumlah yang baru datang pada bulan November: 524, yang keluar 5,699. Jawapan tambahan untuk hari ini jumlahnya 31,803.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Sebelum saya bertanya saya hendak bagi amaran iaitu amaran kepada diri saya sendiri supaya menyoal jangan cakap panjang-panjang, sebab kadangkadangkang kalau cakap panjang-panjang Menteri yang berkenaan tak faham, Tuan Yang di-Pertua pun tak faham. Jadi saya bercakap pendek.

Soalan saya adakah Kementerian Dalam Negeri sekarang terus menerus akan menerima pendatang haram masuk ke tanahair kita ini demi peri kemanusiaan atau mulai pada tahun 1980 ini memandangkan beratnya Kerajaan kita menanggung beban ini, adakah Kementerian Dalam Negeri tidak akan menerima seorang pun lagi pendatang haram masuk ke tanahair kita Malaysia, kalau mereka masuk, kita beritahu mereka: Sila pergi ke negeri lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bertalu-talu sudah kita bercakap soal dasar berkenaan pendatang haram, mereka itu pendatang haram dan tidak akan diizinkan untuk duduk di negara ini tetapi sekiranya mereka sudah sampai ke pantai, macam dalam bulan ini; saya sebutkan tadi iaitu pada bulan November, 524 orang. Itu sahaja yang masuk, yang keluar pada bulan November, 5,699. Dari segi peri kemanusiaan, perahu mereka sudah karam di pantai, hendak disuruh mereka pergi ke mana? Jadi maksudnya selagi mana yang boleh kita usahakan, umpamanya keadaan kita daripada tahun 1975 sehingga pada hari ini kita sudah menerima 120,912 dan sekarang baki-nya tinggal 31,803 maknanya dasar kita cukup berjalan dari segi peri kemanusiaan dan juga dari segi pentadbiran serta dari segi saksama kepada rakyat kita sendiri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi ada dikatakan peri kemanusiaan, saya pun ber-setuju di atas peri kemanusiaan itu, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana negara lain mengambil pendatang haram itu, boleh atau tidak kita mengambil sedikit sebanyak daripada pendatang haram itu di atas dasar peri kemanusiaan tadi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, peri kemanusiaan kita terhad kepada membantu mereka untuk sampai ke negara yang lain—tidak kepada membawa mereka duduk di sini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami Ahli Dewan Negara ini mengucapkan terima

kasih kepada Kementerian Dalam Negeri kerana menghantar kami ke Pulau Bidong. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian ini sedar bahawa pegawai yang menjaga di kemah-kemah khususnya di Pulau Bidong umpamanya sangat tidak diambil perhatian oleh Kementerian ini mengenai kebajikan pegawai-pegawai di situ, umpamanya mereka telah lama meminta bot untuk keselamatan mereka. Kedua, tempat mereka hendak beribadat belum dapat dibuat oleh Kementerian ini. Adakah perkara ini Kerajaan sedar dan kalau sedar, adakah perkara ini akan dipertimbangkan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak dibawa ke pengetahuan saya. Kalau dibawa ke pengetahuan saya, tentulah perkara ini akan diusahakan tetapi yang kita tahu bahawa pegawai-pegawai yang bekerja di sana terbahagi kepada dua; satu, daripada Pasukan Bulan Sabit Merah, itu adalah tanggungjawab kepada Pasukan Bulan Sabit Merah. Tetapi dari pihak tentera dan polis yang menjaga, ini adalah memang tanggungjawab Kerajaan dan perkara ini memang terjaga iaitu kemahnya di pulau lain tidak di Pulau Bidong.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya begini, pegawai-pegawai yang bertugas di bawah kuasa Kerajaan negeri ini pernah merayu kepada pihak yang berkenaan iaitu Kementerian ini supaya dapat Kerajaan mengadakan satu bot antara Kuala Trengganu hendak pergi ke Pulau Bidong, untuk keselamatannya apabila berlaku satu-satu kecemasan.

Yang kedua, tempat kediaman mereka sepatutnya pegawai-pegawai itu kita berikan kemudahan, jangan seperti sekarang keadaannya lebih buruk daripada orang-orang pelarian. Itu sahaja saya hendak beritahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini terkeluar daripada soalan asal.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal menjaga keselamatan, kita memang sediakan tetapi hendak minta bot umpamanya untuk ulang alik—memang ada bot yang pergi ulang alik—memang sudah ada. Saya pun hairan dari mana datangnya soalan ini. Untuk menjaga keselamatan, kita adakan helikopter untuk menyelamatkan

orang kita dan juga contingency plannya, pulau-pulau untuk dipindahkan pegawai-pegawai kita sekiranya ada pemberontakan di Pulau Bidong, itu pun sudah sedia semua. Sekarang soal rumah pegawai itu tadi adalah tanggungjawab United Nations dan juga tanggungjawab Pasukan Bulan Sabit Merah, bukan tanggungjawab Kerajaan tetapi pegawai-pegawai Kerajaan itu duduk bersama-sama dengan askar di pulau lain.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 dan 19 adalah diberi di bawah ini).

PELAJAR-PELAJAR DI MAKTAB PERGURUAN

18. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar dan komposisi kaum yang dimasukkan kepada tiap-tiap maktab perguruan tempatan bagi sesi akademik 1979/1980.

Dato' Chan Siang Sun: Oleh sebab senarai ini begitu panjang dan memakan masa se-kira hendak dibentang dengan cara lisan, saya mohon membentangkannya sebagai jawapan bertulis seperti terlampir.

Calun-calun Maktab Perguruan bagi Sesi Akademik 1979/1980 mengikut kaum

No.	Maktab Perguruan	Negeri	Bumi-putra	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1.	Persekutuan	Pulau Pinang	312	73	13	3	401
2.	Sri Pinang	Pulau Pinang	106	62	3	—	171
3.	Sungei Petani	Kedah	100	61	6	—	167
4.	Kinta, Ipoh	Perak ..	266	30	10	—	306
5.	Ipoh, (Baru) Manjoi	Perak ..	137	103	5	—	245
6.	Sultan Idris, Tanjong Malim ..	Perak ..	335	—	—	—	335
7.	Bahasa, Kuala Lumpur ..	Wilayah Persekutuan	106	50	7	—	163
8.	Seri Kota, Kuala Lumpur ..	Wilayah Persekutuan	79	54	44	—	177
9.	Ilmu Khas, Kuala Lumpur ..	Wilayah Persekutuan	221	82	11	2	316
10.	Teknik, Kuala Lumpur ..	Wilayah Persekutuan	232	20	2	2	256
11.	Lembah Pantai, Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan	162	71	41	—	274
12.	Islam Petaling Jaya	Selangor	253	—	—	—	253
13.	Raja Melewar, Seremban ..	Negeri Sembilan	217	110	15	1	342
14.	Perempuan Melayu	Melaka	333	—	—	—	333
15.	Temenggong Ibrahim, Johor Bahru	Johor ..	282	29	5	—	316
16.	Mohd. Khalid, Johor Bahru ..	Johor ..	184	96	3	3	286
17.	Kuantan, Teruntum	Pahang	112	71	—	—	183
18.	Pendidikan Kesihatan dan Nilai Pemakanan, Kuala Trengganu	Trengganu	108	15	6	2	129
19.	Kota Bharu	Kelantan	266	18	6	2	292
20.	Gaya, Kota Kinabalu	Sabah ..	123	33	—	—	156
21.	Kent, Tuaran	Sabah ..	261	—	—	—	261
22.	Sandakan, Sandakan	Sabah ..	73	30	—	—	103
23.	Batu Lintang, Kuching ..	Sarawak	216	78	1	—	295
24.	Rajang, Binatang	Sarawak	289	25	2	—	316
25.	Sarawak, Sibul	Sarawak	148	34	1	—	183

**JURURAWAT/PENOLONG
JURURAWAT SEBAGAI NURSING
PROFESSION**

19. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan menyokong bantahan Kesatuan Jururawat Malaysia (MNU) mengatakan bahawa mereka adalah kakitangan profesyenal yang terlatih sedangkan Penolong Jururawat tidak;
- (b) adakah Penolong-penolong Jururawat diberi apa-apa latihan oleh Kerajaan sebelum mereka ditugaskan bekerja; dan
- (c) tidakkah boleh berbangkit soal kecakapan dan kesopanan kepada orang ramai kerana seorang Penolong Jururawat yang tidak terlatih dan tarafnya di bawah Kumpulan Buruh Kasar ditugaskan menolong Jururawat Profesyenal yang terlatih.

Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Ahli-ahli Malaysian Nurses Union yang terdiri dari Jururawat-jururawat berdaftar atau registered nurses dan penolong-penolong jururawat merupakan pegawai-pegawai dalam "parent profession" yang sama iaitu "the nursing profession". Pada hakikatnya kedua-dua jenis pekerja ini dari segi pendaftaran, latihan dan tata tertib adalah tertakluk kepada undang-undang yang sama iaitu Akta Jururawat 1950. Perbezaan terdapat dari segi taraf dan skop latihan dan syarat masuk ke program-program latihan. Latihan untuk jururawat-jururawat berdaftar mengambil masa 3 tahun dan kelayakan masuk ke kursus yang minima adalah SPM/MCE. Sementara latihan penolong jururawat adalah selama 2 tahun dan kelayakan minima masuk ke kursus adalah SRP/LCE. Selepas berlatih jururawat berdaftar adalah dianggap mahir menjalankan "general nursing procedures" pada keseluruhannya sementara penolong jururawat hanya boleh dan dibenarkan menjalankan sebahagian dari "general nursing procedures".

(b) Penolong-penolong jururawat adalah diberi latihan basik sebelum mereka boleh didaftarkan sebagai penolong jururawat dan menjalankan tugas-tugas penolong jururawat.

(c) Soalan ini tidak timbul lagi kerana jawapan kepada (b).

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG TAMAN
NEGARA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Januari, 1980).

3.37 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung ucapan saya yang telah dimulakan pada petang semalam apabila saya kemukakan Rang Undang-undang Taman Negara. Di dalam ucapan itu saya telah menegaskan tujuan-tujuan penubuhan Taman-taman Negara, saya juga membangkitkan peristiwa-peristiwa yang berlaku yang mana tanaman-tanaman, harta benda dan ada kalanya nyawa terancam oleh hidupan liar. Ini berlaku oleh kerana alam semula jadi yang mana habitat hidupan liar itu telah terganggu disebabkan oleh pembukaan tanah dan perlombongan serta pembalakan yang menyempitkan kawasan-kawasan hidupan liar.

Kementerian saya terpaksa memusnahkan hidupan-hidupan liar seperti gajah dan harimau bagi memastikan rakyat tidak kerugian dan kehilangan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerangkan—kawasan hutan belantara di negara ini adalah diperlukan dari segi mendapatkan bahan-bahan benih pertanian dan haiwan. Contohnya, pokok durian, rambutan, langsung yang terdapat di dusun-dusun sekarang adalah berasal dari kawasan hutan. Kawasan hutan semulajadi itu merupakan

“agricultural genes stock” yang tidak harus kita hapuskan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli sains negara untuk menyiasat dan mengkaji bagi mempelbagai dan memperbanyakkan jenis-jenis buah-buahan yang berfaedah untuk sumber makanan manusia.

Dari aspek nilai keindahan alam semulajadi (estetik) pula, hutan belantara kita adalah di antara yang tertua di dunia yang telah diakui oleh pakar-pakar antarabangsa. Setengah daripada tumbuh-tumbuhan dan kayu-kayuan yang berada dalam hutan belantara negara ini berumur lebih daripada 130 juta tahun. Pada masa ini amat sedikit sekali diketahui keadaannya yang perlu diadakan penyiasatan-penyiasatan selanjutnya. Hutan belantara negara ini boleh dikatakan sebagai gedung ilmu yang tidak terhingga yang terbentang luas untuk penyelidikan bagi faedah manusia. Pengekalan hutan-hutan belantara itu dalam keadaan semulajadi di bawah perundangan ini bukan sahaja akan mengekalkan hutan-hutan belantara itu tetapi juga semua peringkat tumbuh-tumbuhan dan hidupan-hidupan liar dalam kawasannya yang mana ahli-ahli sains negara kita sendiri akan mendapat peluang mengkaji khasnya bagi mendapat baka-baka haiwan dan ternakan serta untuk pertanian yang diperlukan.

Dari segi rekreasi dan keindahan alam semulajadi pula, kita memerlukan kawasan-kawasan semulajadi untuk dinikmati oleh rakyat khususnya dengan pembangunan perbandaran dan perindustrian yang berlaku sekarang dan yang akan datang. Rakyat yang hidup di bandar-bandar atau kawasan-kawasan yang telah dimajukan akan memerlukan tempat-tempat rekreasi yang semulajadi ini. Tempat-tempat yang indah yang terdapat di negara ini sebagai suatu kehendak rekreasi. Walaupun pada masa ini dalam peringkat pembangunan negara kita, kemahuan atau kehendak rakyat untuk tempat-tempat rekreasi semulajadi ini belum begitu ketara, tetapi dari pengalaman yang telah dirasai oleh negara-negara maju yang telah memusnahkan alam semulajadi mereka, perkara ini amat dikesali oleh mereka. Oleh itu terpulanglah kepada kita dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan yang pengurusan sumber-sumber alam negara ini diuruskan dengan secara praktik dari segi penggunaan yang optima, pemeliharaan yang sempurna

dengan mengadakan perimbangan dalam “ecosystem” itu. Caranya adalah untuk mengecilkan kekacauan atau kemusnahan dari segi keadaan alam sekeliling serta sumber alam semulajadi ini. Dengan itu adalah perlunya perundangan untuk mengwujudkan dan mengawal Taman-taman Negara ini diadakan memandang kepada faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan pengawalan Taman-taman Negara dan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Michael Wong.

3.45 *ptg.*

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Rang Undang-undang ini sangat perlu diadakan lama di masa dahulu, tetapi juga tidaklah lambat diadakan sekarang. Jadi ini saya memberi kepujian saya setinggi-tingginya kepada Kerajaan bagi mengemukakan Rang Undang-undang ini. Kita telah nampak dalam negara-negara yang lain dengan penebangan pokok-pokok kayu-kayu balak dan kemajuan tanah telah membinasakan hidupan tumbuh-tumbuhan atau dalam bahasa Inggeris flora dan hidupan binatang (fauna) dan menjejaskan imbalan-imbalan ecology (ecological balance). Ini juga muncul di Afrika yang telah pernah digelar sebagai satu kawasan yang terkaya dengan hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, melalui ketamakan manusia yang ingin mendapat wang dan apa-apa yang dikatakan secara kemajuan Benua Afrika sekarang telah dibinasakan dengan beransur-ansur supaya dijadikan sebuah padang pasir tidak ada banyak

hidupan liar di sana lagi. Imbangan ecology (ecological balance) yang begitu mustahak supaya menjaminakan berterusan dan melindungi hidupan tumbuh-tumbuhan dan binatang bagi faedah manusia telah dijejas-kan dengan teruknya. Kerosakan ini tidak dapat diperbaiki, akibatnya boleh dikatakan yang sangat dahsyat. Manusia patut bertanggungjawab akan segalanya, manusia juga mesti akan mengalami kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh perasaan tamak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dalam banyak bidang-bidang bersama dengan Benua Afrika, hidupan tumbuh-tumbuhan dan binatang sangatlah banyak. Sebenarnya setengah-setengah hidupan tumbuh-tumbuhan dan binatang kita jarang (rare) dan tidak banyak kecuali tindakan diambil supaya mempertahankan ianya akan lenyap. Oleh yang demikian kita mesti menentang perasaan tamak membinasakan hutan-hutan kita untuk memperolehi wang itu, jika tidak dalam proses ini kita akan merosakkan dan menjejaskan imbangan ecology itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memelihara dan memperlindungi hidupan liar yang banyak. Oleh sebab ini adalah sangat mustahak kita meluluskan Rang Undang-undang ini supaya anak cucu kita akan mewarisi apa yang kita memelihara dan memperlindungi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa komen di atas Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, Seksyen 3 sub-seksyen (1) menyatakan:

“Pihakberkuasa Negeri boleh di atas permintaan Menteri merezabkan mana-mana tanah Negeri dalam kawasan Negeri itu bagi maksud suatu Taman Negara”

Menurut penjelasan saya atas Fasal atau seksyen ini ialah bahawa Pihakberkuasa Negeri bukan wajib membuat itu jika diminta oleh Menteri ianya seolah-olah bahawa Pihakberkuasa Negeri boleh menolak permintaan Menteri itu. Ini pada pendapat saya tidak memuaskan oleh sebab mungkin muncul satu keadaan atas sebab-sebab politik atau ekonomi Pihakberkuasa Negeri mungkin menolak permintaan

Menteri itu, sungguhpun penubuhan Taman Negara itu adalah berfaedah besar kepada rakyat terutama negeri itu dan seluruh negara pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, kontroversi atas Taman Endau/Rompin agak tahun yang lalu ialah satu misal yang baik. Saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri memeriksa perkara ini dan meminda Fasal itu supaya Pihakberkuasa Negeri mesti mematuhi permintaan Menteri. Seringnya ini melanggar Perlembagaan kita oleh sebab ianya menyentuhi tanah kerana tanah ialah hak kuasa Negeri, saya ingin mencadangkan bahawa Perlembagaan kita patut dipinda bagi tujuan pelaksanaan Taman Negara sahaja tanpa mengakibatkan kuasa Negeri di atas tanah dalam perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang lain ialah berkaitan dengan Seksyen 10. Seksyen 10 (1) melarang pengendalian-pengendalian melombong atau mencarigali dalam kawasan sesuatu Taman Negara. Ini pada pendapat saya adalah baik. Jika tidak, oleh sebab tamak untuk mendapat wang, sebuah Taman Negara akan dirosakkan dan menjadi kawasan yang dipenuhi lubang-lubang lombong.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ini saya hendak menyentuh berkenaan dengan Seksyen 10 (2) yang memberi kuasa kepada Pihakberkuasa Negeri jika diper-setujui oleh Menteri untuk mengeluarkan lesen-lesen untuk mencarigali jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dalam sesuatu bahagian tertentu sesuatu Taman Negara terdapat bahan galian yang begitu berharga hinggan akan berlawanan dengan kepentingan negeri itu jika ia tidak dilombong.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ber-setuju bahawa ini perlu, saya juga ingin mendesak Yang Berhormat Menteri bahawa Seksyen ini patut dilaksanakan dalam keadaan yang sangat perlu. Jika tidak, sebagaimana yang saya nyatakan tadi hanya untuk kepentingan ekonomi kawasan-kawasan yang terkaya dengan hidupan, tumbuh-tumbuhan dan binatang akan dibinasakan buat selama-lamanya. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak sebarang perkara yang lain yang lebih mustahak dari hidupan liar yang kita ada sekarang. Ini kerana mereka akan

terus menerus hidup tanpa berhenti bagi kepentingan manusia. Sebaliknya kekayaan galian-galian dan minyak wujud sementara sahaja. Dalam proses melombong dan mengeluarkan galian-galian dan minyak, tanah itu akan dirosakkan dan akhirnya akan menjadi tanah tandus.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.54 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dengan rakan sejawat saya yang lain memberikan pendapat dan ulasan dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sebelum daripada saya pergi kepada fasal-fasal yang ada di dalam kandungan Rang Undang-undang ini, izinkan saya membuat ulasan-ulasan yang saya pandang lanjut tetapi adalah tertakluk dalam maksud Rang Undang-undang ini. Pertama sekali pihak saya dan rakyat mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang telah mewujudkan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Taman Negara, tahun 1979 lebih-lebih lagi naskah sahnya dalam Bahasa Malaysia. Alasan-alasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu menunjukkan kuatnya Rang Undang-undang ini supaya diwujudkan,

Rang Undang-undang ini diwujudkan kerana melihatkan kerosakan alam semula jadi makin berlaku kian hari, kian masa dan khazanah hutan sama ada tumbuh-tumbuhan juga termasuk binatang-binatang liar akan tergugat kalau tidak ada satu pengawalan, kita khawatir satu masa kelak jenis-jenis perhaiwanan kita ini akan lupus dengan perbuatan manusia. Alhamdulillah, dalam peruntukan yang ada ini akan dapat memberikan jaminan dan pengawalan sama ada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan serangga khasnya dalam kawasan Taman Negara ini.

Kita sangat berbangga bahawa kata Yang Berhormat lebih 50% kawasan di seluruh Malaysia ini adalah dalam kawasan hutan belantara yang belum diteroka lagi. Dengan wujudnya Rang Undang-undang ini maka beberapa kawasan hutan belantara itu akan

dijadikan kawasan Taman Negara yang tidak boleh disentuh, tidak boleh dijejaskan oleh manusia sebab ada peraturan-peraturan yang tertentu.

Dalam masalah memelihara alam semula jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju telah lama mewujudkan Rang Undang-undang yang seumpama ini dan sangat mustahak dari segi mental dan fizikal tiap-tiap seorang rakyat dalam sesebuah negara kerana melalui pandangan atau kejadian alam atau makhluk di kawasan sesuatu Taman Negara itu dapat menyakinkan pemikiran dan akal rakyat itu bahawa dengan sesungguhnya ada yang menjadikannya iaitu Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan semesta sekian alam, dengan secara tidak langsung rakyat dalam negeri itu dapat beriman bahawa Tuhan itu ada.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini kelak akan melahirkan satu Taman Negara dan mungkin juga sebagaimana yang disebut oleh rakan sejawat saya tadi, satu ketika kelak bagi taman yang disebut Taman Negara Endau/Rompin yang mana melibatkan kawasan ini 120,000 ekar lebih berada dalam kawasan Endau/Rompin dan 96,000 ekar ada dalam kawasan negeri Pahang. Bererti jumlah hampir $\frac{1}{4}$ juta ekar tanah ini akan dijadikan kawasan Taman Negara.

Saya berpendapat bahawa kedua-dua buah Kerajaan Negeri ini akan bermurah hati dengan permintaan Kementerian ini untuk menjadikan tempat ini kawasan Taman Negara. Bukanlah dengan sebab desakan, jeritan yang dibuat oleh setengah golongan membuat bantahan-bantahan dalam perkara pengwujudkan ini bahkan perkara ini telah ada dalam rancangan Kerajaan Barisan Nasional. Dengan keadaan ini kiranya dapat kedua-dua kawasan ini patutlah Kerajaan Pusat memberi terima kasih kepada kedua-dua buah Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Rang Undang-undang ini berupa penting pada diri saya dan sangat menggemirakan, kalau boleh izinkan saya membuat ucapan perbahasan ini yang berbentuk gurindam dan pantun yang tidak keluar daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan keindahan alam semula jadi di Malaysia, bahkan alam Malaysia ini lebih baik darjahnya daripada hutan belantara di negara-negara lain. Bentuk keindahan alam yang saya akan

gambarkan dalam gurindam ini dengan 11 rangkap gurindam dan dua rangkap pantun, malahan pula masa ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bunyinya demikian :

Dengan nama Allah kita mulakan,
Dato' Hussein Onn Ketua Kerajaan,
Tan Sri Ong Kee Hui maha utarakan,
Tun Omar Yoke-Lin Ong, Tan Sri
Ubaidulla Yang di-Pertua Permesyua-
ratan.

Saya dan rakan-rakannya menyokong
untuk diluluskan.

Rang Undang-undang kawasan Taman
Negara wujudlah sudah,

Di sana dapat nikmat berbagai keindah,
Saya akan butirkan melalui madah

Menakjubkan manusia yang tidak sudah-
sudah.

Nun di sana kabus menyelubungi Taman
Negara,

Angin sepoi-sepoi bahasa

Lemah longlai seolah-olah melambai,

Terdapat gunung-ganang, bukit-bukau,
lurah dan denai

Banjaran mercu lereng, jurang, gaung
bagi manusia mengambil iktibar.

Taman Negara pohon menghijau,
Bunga sedang mekar, baunya harum
segar,

Di dalamnya mengalir air sungai,
petakah, jeram yang turun berjurai.

Di lubuk tempat istana ikan tapah,
belida, baung, patil dan jalal,

Sungai hening jernih, ternampak kilat
jelawat, sebarau, kalui, ikan puteh
berkejar,

Tidak pupus binatang liar, gajah, tenuk,
badak sumbu, singa, harimau, beruang,

Menjerit, laung, lolong binatang ber-
hambat, berkejar terdengar bunyi di
awang,

Bergembiralah unggas bebas ke sana ke
mari dengan berterbang,

Merayaplah segala jenis serangga, ber-
bunyi cengkerik menunjukkan hari
sudah petang.

Dengan gagah hidup pohon saka,
merbau, kepong, gesak, meranti, belian,
kuran dan tenaga,

Berteduh, bernaung anak-anak kayu,

Kalau kayu besar ditebang mereka
menerima malapetaka,

Sejuklah bumi dengan bertimbun daun-
daun, dahan bertimpa-timpa,

Menumpanglah serangga, kupu-kupu,
rama-rama, lebah, sialang, kerana me-
lahirkan madu untuk manusia,

Suburlah betong, tilan, rotan, manau di
tebing sungai,

Kembang biak buaya, tuntung, labi-labi,
memerang, biawak dan ular,

Terhiburlah pelancung memancing, me-
nembak, berdayung dan bersiar,

Bila waktu tengah malam,

Sang purnama mengambang penuh me-
nambahkan keghairahan,

Burung pungguk bersahut-sahutan,
burung hantu berbunyi yang meng-
gerunkan;

Embun jantan menitik bertaburan,

Unggun mengeluarkan asap berpusu-
pusuan,

Penghuni di Taman Negara mengirat-
kan peluk kerana nyaman yang dirasa-
kan,

Taman Negara ditambah hotel, motel
untuk manusia berihat, bertenang me-
nyedut udara yang nyaman.

Yang selama berhempas pulas bekerja,

Telah jelak, jemu, bosan kerana bunyi
bising,

Hingar di pekan pesara,

Manusia, lelaki, wanita, kanak-kanak
dalam dan luar negara,

Termasuk teruna dan dara yang akan
memadu asmara.

Berpantunlah teruna,

Oh! adik, kalau ada sumur di Taman
Negara,

Bolehkah kita menumpang mandi,

Kalau ada umur panjang usia mahu-
kah kita datang lagi.

Jawablah dara,

Oh! abang

Kalau ada telaga Taman Negara,

Boleh kita membasuh kaki,

Kalau dah begini nyaman rasa,

Pantang abang pelawa adik akan pergi.

Yang kesepuluh Tuan Yang di-Pertua, gurindamnya:

Berkokoklah Kuang di rimba,

Jalak lenteng waktu fajar menyinsing,

Mengingatkan manusia supaya terjaga,

Sujud kepada Yang Maha Esa,

Matahari menyinar terbit,

Berkicaulah murai berbarau mengajak kawan berusaha,

Pedoman kepada manusia bahawa unggas petang temboloknya penuh, waktu pagi hampa,

Taman Negara termasuk tasik dan lautan,

Tidak dibenarkan manusia melainkan mesti mematuhi peraturan;

Bebas merdeka binatang, unggas, serangga dalam hidupan,

Samalah dengan konsep Zon Aman,

Bebas dan Berkecuali Negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Jabatan Pelancang hendakkan gurindam dan pantun saya ini, saya izinkanlah kepada mereka untuk tatapan pelancang-pelancang yang akan datang ke Taman Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat telah mengatakan bahawa binatang-binatang dalam negara kita ini telah digugat dengan sebab pembangunan dan binatang-binatang ini telah naik marah kepada masyarakat manusia dan ramai manusia yang terancam daripada mereka kerana tempat kediaman mereka telah dimusnahkan dengan tujuan pembangunan.

Di bawah Rang Undang-undang ini ada menunjukkan Fasal 8 (1): dilantik di bawah Seksyen 4 (1) Akta Pelindungan Hidupan Liar 1972 bagi ditanggjawabkan iaitu Ketua Pengarah termasuklah yang saya maksudkan iaitu pegawai-pegawai Mergastua.

Kita selama ini, telah mendengar sungutan rakyat bahawa tanaman peladang-peladang dan petani-petani kita telah dirosakkan oleh binatang-binatang ini sama ada kera, babi dan lain-lain dan pihak mereka telah memanggil pegawai-pegawai Mergastua untuk datang memusnahkan binatang itu tetapi tidak mempunyai kesan yang baik hingga menjadikan satu kebuntuan kepada mereka untuk meneruskan perusahaan pertanian ini. Tidak sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua, bahkan binatang-binatang umpama gajah, dan babi hutan ini pernah merosakkan ladang-ladang agensi-agensi kerajaan yang terpaksa menerima kerugian bermillion ringgit.

Dalam keadaan ini, siapa yang patut kita pertanggungjawabkan, sama ada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini ataupun kepada Sang Gajah, Sang Rusa itu ataupun kepada siapa? Pada saya, kalau boleh Jabatan ini hendaklah membuat satu langkah iaitu dipindahkanlah binatang-binatang ini daripada kawasan-kawasan pembangunan kita ke kawasan Taman Negara dengan apa cara. Kalau gajah, binatang yang besar itu boleh dipindahkan, saya fikir tidak mustahil kera, lotong dan babi hutan itu tidak boleh kita pindahkan ke kawasan Taman Negara ini.

Dalam masalah ini, ia tentulah menghendakkan perbelanjaan, masa dan pegawai-pegawai yang ada mempunyai kepakaran dalam pemindahan haiwan ini. Untuk pandangan pegawai yang berkenaan ini, dan juga saya bukanlah ahli "perhaiwanan" jikalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan Dewan yang mulia ini, gemar saya menyebutkan sedikit sebanyak latar belakang binatang-binatang dalam tanahair kita ini kerana dunia binatang-binatang ini sebetulnya tidak begitu banyak bezanya dengan dunia manusia. Masalah lumrah dunia manusia, lumrah juga di dunia binatang. Perangai binatang ini juga sama, ada berperangai curang, ganas, mementingkan diri, membalas dendam, cinta mencintai, tidak setia, tamakkan hak orang lain yang menjadi lumrah di dalam dunia kita ini adalah didapati sama juga di dunia binatang. Cuma bezanya adalah cara dan bentuk perlaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya telah meminta izin hendak memberi gambar latar belakang di antara binatang-binatang

ini untuk panduan hendak memindahkan mereka kelak seperti Badak Sumbu. Badak Sumbu ini adalah satu binatang yang kuat cemburu. Di Taman Negara kita kelak mungkin ada beberapa ekor binatang Badak Sumbu yang sekarang duduk di dalam kawasan Endau/Rompin iaitu sempadan Johor dan Pahang; mungkin ada di Sarawak dan juga di Sabah. Sekali-sekali kelamin Badak Sumbu ini hidup dalam aman, jangan sekali-sekali dikeruhkan kehidupannya itu, oleh sesiapa juga. Sekiranya didatangkan Badak Sumbu ini ke kawasan yang lain, binatang ini pula pandai membuat hubungan cinta. Kalau terjalin kelak maka didapati Badak yang betina itu tidak akan mencintai dan dia akan mati merana. Apabila kita hendak diproses pemindahan ini hendaklah kita bercermat dan sedikit sebanyaknya Pegawai Mergastua ini tahu akan latar belakang Badak Sumbu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya barulah merujukkan perbahasan yang saya hendak ikuti, terutama sekali dalam Fasal 1 (1):

“1 (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Taman Negara 1979 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), dipakai di seluruh Malaysia”.

Apa yang saya hendak utarakan kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh, apa salahnya kita tambah dengan nama “Taman Negara Kebangsaan”. Sebab selain daripada Taman Negara Kebangsaan ini ada beberapa lagi Taman Negara seperti Taman Negara Sarawak, Taman Negara Sabah, Taman Negara Trengganu, Taman Negara Pahang, Taman Negara Perak dan sebagainya. Kalau kita tambahkan nama “Taman Negara Kebangsaan” itu menurut hemah saya ada lebih meluas, tidak jadi satu kesamaran kepada rakyat dalam dan luar negeri.

Saya rujukkan dalam perkara Majlis Penasihat Taman Negara yang mempunyai anggota sebagaimana yang disebutkan di dalam Fasal 5 (1) (a) hingga (h). Yang pertama saya hendak menyentuh (e):

“(e) seorang wakil Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri;

Pegawai ini memang wajar menduduki dalam Majlis Penasihat ini kerana darinya-lah yang membuat satu perancangan dari satu masa ke satu masa, bahawa kawasan

Taman Negara ini bukan sahaja bagi memelihara keindahan alam semula jadi, tetapi kita boleh mencarikan usaha dan bentuk yang boleh mendatangkan hasil kepada negara kita.

Demikian juga dalam (f):

“(f) seorang wakil Perbadanan Kemajuan Pelancungan”.

Adalah sangat secukupnya pegawai ini diadakan dalam Badan Majlis Penasihat ini, kerana melaluinyalah juga akan dapat melebarkan penyebaran keluar negeri bahawa di negara kita ini ada mempunyai Taman Pelancungan yang ada berbagai-bagai keindahan. Maka keadaan ini mungkin dijadikan satu daripada faktornya pelancang-pelancang daripada luar negeri tertarik hendak melancang ke negara kita ini. Dengan keadaan ini juga kita patut ubahsuaikan bagaimana Taman-taman Negara di negara-negara yang maju yang telah memajukan pusat-pusat pelancangannya supaya dengan keadaan ini akan menaikkan mutu Taman Negara kita.

Sekarang saya menyentuh (h):

“(h) tidak lebih daripada enam orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri”.

Pada pandangan saya berkenaan dengan perlantikan enam orang ahli Majlis Penasihat ini memang sesuai sangat kuasa ini diberi kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi saya gemar membuatkan pengesyoran supaya dalam enam orang ini Yang Berhormat Menteri menunjukkan kepada Kerajaan satu daripadanya wakil rakyat sebab wakil rakyat ini ada mempunyai pengalaman yang luas dan yang lebih dalam masalah-masalah khasnya kalau ada Taman Negara itu di kawasan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 (2) pula saya bangkitkan. Seksyen-kecil (1) “hendaklah memegang jawatan selama sesuatu tempoh masa sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dan Menteri boleh pada bila-bila masa memecatnya dari jawatan tanpa memberi apa-apa sebab baginya”.

Ini kuasa mutlak—Menteri dapat kuasa yang begitu luas, dia bila tidak sukakan ahli penasihat ini dia boleh pecat, tidak ada sebab, tidak boleh ulang bicara. Kuasa ini hendaklah kita berikan keadilan, jangan dengan sebab satu-satu desakan bahawa Menteri telah hilang pemikiran atas desakan itu, dia pecat ahli Lembaga ini. Kita mahu

biarlah berlaku adil, sebab orang yang kita jadikan ahli penasihat itu telah kita pilih, sudah kita semak dengan baik, tiba-tiba kita pecat dia dengan tidak ada satu-satu sebab. Dan masa yang saya pandang sesuai bagi seseorang ahli penasihat duduk dalam badan ini ialah selama tiga tahun. Kalau setengah-setengah badan agensi Kerajaan itu melantik dua tahun, tiga tahun tetapi tiga tahun ini sangat sesuai dalam badan ini kerana dalam masa tiga tahun ini, tahun yang pertama baharu rancangan dibuat, tahun yang kedua baharu pelaksanaan dan tahun yang ketiga baharu dapat menengokkan nikmat rancangan-rancangan itu. Jadi, saya fikir, tiga tahun ini moleklah kita berikan peluang kepada ahli penasihat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam penubuhan Jawatankuasa Taman Negara. Selain daripada badan penasihat Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Taman Negara. Jawatankuasa ini yang difahamkan sebagaimana kehendak peruntukan Rang Undang-undang, (a) Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tiap-tiap satu negeri di mana Taman Negara itu terletak, (b) seorang wakil daripada tiap-tiap satu jabatan Kerajaan Negeri sebagaimana yang Menteri fikirkan perlu diwakili. Ini adalah satu pentadbiran yang sesuai, yang menasabah kerana sesebuah negeri itu usaha tadbirnya ialah di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Persekutuan juga dapat didudukkan dalam Jawatankuasa ini, ini juga wajar kerana dengan ini dapat kita menyelaraskan pelaksanaan satu-satu rancangan mengikut dasar yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya menyentuh Fasal 7 berhubung dengan Jawatankuasa Taman Negara yang ditubuhkan dalam bahagian (c) lain-lain orang yang tidak melebihi tiga orang jumlahnya sebagaimana yang dilantik oleh Menteri. Tiga orang ahli Jawatankuasa ini juga, saya mengharapkan supaya Jawatankuasa ini atau Kerajaan Negeri dapat menunjukkan Ahli Mesyuarat Undangan Negeri itu yang di antaranya duduk dalam Jawatankuasa ini. Dan berbalik pada masalah tadi, saya tegaskan lagi sekali dalam Jawatankuasa ini masanya juga diberi selama tempoh tiga tahun.

Dalam peruntukan Fasal kecil (2), ini memang mungkin ada berlaku, umpamanya kalau ditakdirkan Kerajaan jadikan Taman Negara Endau/Rompin itu, dalam bentuk Jawatankuasa ini kelak, yang menjadikan Pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri dalam badan Jawatankuasa ini, jadi diberi secara giliran antara Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Ini saya fikir satu peruntukan yang begitu adil, sebab di sinilah sebuah kawasan itu ada mempunyai dua kawasan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pada muka surat 7, Fasal 9 (1) (b) pembinaan dan penyelenggaraan hotel, rumah rihat, rumah kediaman, bangunan dan kerja-kerja kegunaan awam. Saya cuma hendak sentuh dalam bahagian hotel ataupun motel yang akan didirikan di situ. Saya harap supaya Kerajaan memerhatikan bahawa rekabentuk bangunan-bangunan yang akan didirikan di kawasan itu hendaklah rekabentuk yang menunjukkan keperibadian negara kita Malaysia dan saya tidaklah hendak, kalau ada didirikan motel atau hotel di kawasan yang menjalar naganya naik ke angkasa, itu kurang sihatlah pada diri saya. Ini patut diperhatikan oleh Kementerian. Demikian juga hidangan-hidangan, tarian-tarian yang akan disajikan kepada penghuni yang hendak duduk di hotel/motel di tempat itu biarlah hidangan yang ada, bukan saya nafikan hidangan cara barat. Ini termasuk juga hidangan sebagai tradisi kita di Malaysia ini. Dan juga tarian-tarian, jangan banyak diperkuningkan tarian dalam hotel dan motel ini iaitu tarian-tarian kuning yang berbentuk barat. Kita bawa tarian-tarian yang berbentuk Malaysia dan juga ASEAN.

Tadi telah disebutkan juga dalam perenggan ini mengenai kegunaan awam tetapi tidak disebutkan tempat itu, oleh sebab ramai pelancung-pelancung akan datang dan juga pekerja-pekerja yang tertentu di situ, patut kita dirikan dan juga mungkin saya menganggap bahawa di antaranya didirikan gudang ubat di kawasan tersebut. Sebab dalam kawasan yang begitu merbahaya, menolong mengatasi memulihkan kesihatan penghuni ataupun sesuatu kecemasan yang berlaku di tempat itu perlu ada, dan kalau boleh, kita wujudkan seorang doktor di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.28 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.49 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.49 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya dalam penangguhan kerana berihat tadi, itulah yang saya katakan bahawa satu perhatian patut diberikan di kawasan ini supaya didirikan gudang-gudang ubat ataupun Pusat kesihatan untuk kepentingan pelancung-pelancung dan pekerja-pekerja yang ada di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menarik Dewan ini dalam Fasal 10—Larangan am terhadap melombong dalam kawasan Taman Negara. Sekiranya terdapat usaha termesti kawasan ini diperlombongkan, saya mengharapkan sama ada Kerajaan Negeri yang mengeluarkan lesen ini ataupun pihak penasihat atau Lembaga Taman Negara ini supaya membuat satu peraturan yang ketat, yang sempurna, jangan hendaknya terbitan daripada lombong ini akan menjejaskan corak bentuk Taman Negara kita ini dan juga akan menjadi satu tempat yang merosak atau menggugat binatang-binatang di kawasan ini.

Merujuk saya dalam muka surat 9, berhubung dengan peraturan-peraturan yang disebut dalam Fasal 11 (1):

“Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan Akta ini berhubung dengan mana-mana atau semua daripada perkara-perkara yang berikut, iaitu:

(a) penutupan kawasan-kawasan tertentu dalam sesuatu Taman Negara dari orang awam.”

Peraturan ini adalah wajar sebab kalau kita tidak wujudkan peraturan ini akan berleluaslah manusia di kawasan itu khas-

nya di kawasan Taman Negara ini yang sudah tentu mempunyai banyak khazanah yang ada kaitan dengan faedah manusia sama ada dari segi barang makanan atau sumber barang-barang yang bercorak hiburan kepada mereka.

“(c) larangan terhadap binatang-binatang yang ditetapkan daripada dibawa masuk ke dalam atau terus berada dalam kawasan sesuatu Taman Negara;”

Ini juga kita patut perhatikan sebab setengah-setengah pelancung ralipnya mereka gemar membawa binatang bersama dengan mereka sebab menjadi satu hiburan kepada mereka membawa binatang dari negeri mereka ataupun dari satu-satu kawasan sebab kalau kita biarkan keadaan ini kita takut binatang itu ada membawa penyakit berjangkit, akan menjangkitkan penyakit itu kepada binatang-binatang yang ada dalam Taman Negara ini.

Dalam Fasal ini juga (g):

“(g) tempoh dan masa di mana orang awam boleh masuk ke dalam sesuatu Taman Negara atau mana-mana bahagiannya;”

Tempoh dan masa ini juga dalam peraturan ini masih umumkan kita tidak tahu sama ada seminggu atau sebulan tetapi ralipnya kalau kepada pelancung dari luar negeri barangkali lama dia singgah di tempat itu seminggu atau 2 minggu. Tetapi pada pelancung tempatan yang suka mengambil rihat sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam gurindam saya tadi, patut pelancung ini juga kita berikan tempoh panjang umpamanya sebulan, mungkin mereka kata hendak berihat di Taman Negara sebulan. Jadi tempoh itu juga patut kita fikirkan sesuai dengan kehendak pelancung yang tertarik dengan kawasan itu. Sebab kalau kita ketatkan sangat peraturan itu, saya khuatir bahawa pelancung itu tidak begitu minat hendak datang ke kawasan ini dan lebih minat pergi ke kawasan lain.

Bahagian (h) adalah sangat baik:

“(h) kawalan terhadap kelakuan, tanggungan dan kewajipan orang-orang yang melawat atau berjalan, menjelajah atau berkhemah dalam satu sesuatu Taman Negara . . .”.

Sudah menjadi kebiasaan setengah manusia yang menjadi ketagih dadah, jadi Taman Negara ini juga kita patut kawal dengan begitu cermat supaya dadah tidak dapat dibawa oleh pelancang ke kawasan itu untuk dirinya sendiri ataupun dia boleh mengedarkan barang itu kepada pelanggannya yang tertentu. Jadi kelakuan orang-orang yang melawat kawasan itu juga patut dijaga di bawah peraturannya dan kita mesti dijaga dengan ketat mereka yang membawa heroine dan dadah dan mereka patut didakwa di bawah Akta yang lain dan didenda.

Begitu juga mereka yang berjalan atau berkhemah dalam kawasan ini jangan merosakkan kawasan ini atau apa juga barang yang ada menjadi hak tempat ini dan juga setelah dibuka khemah itu hendaklah dibersihkan seperti tempat kedudukan asal.

Berkenaan dengan pembayaran (i):

“(i) fee bagi pengeluaran permit untuk memasuki atau berkhemah dalam kawasan sesuatu Taman Negara, bagi kemasukan kereta ke dalam dan pengambilan fotograf dalam kawasan sesuatu Taman Negara atau bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan atau penikmatan sesuatu Taman Negara.”

Bayaran ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam peraturan ini memang diperlukan sebab melalui bayaran yang kita kenakan kepada pelancang di tempat ini dan bayaran permitnya kita boleh membiayai perbelanjaan Badan Penasihat Taman Negara ini.

Saya kurang ariflah di manakah wang pembayaran ini kita akan salurkan sama ada kepada Perbendaharaan Kerajaan ataupun pada Badan Penasihat yang mempunyai kuasa otonomi. Kalau kiranya diberi kuasa kepada Badan itu boleh mengutip pembayaran itu alangkah ringannya tanggungjawab Badan ini pada masa yang lagi akan datang. Sebab kita kata tidak dikenakan sebuah kereta masuk dalam kawasan itu. Itu tidak wajar kerana mereka yang pergi ke tempat peranginan seumpama ini memanglah mereka yang berada. Dan kalau boleh jangan kita kenakan bayaran kepada kanak-kanak yang di bawah umur 15 tahun. Sebab ada setengah kawasan pelancang itu tempat mandi kanak-kanak itu juga dikenakan

bayaran. Kalau anak-anak kita hendak mandi di sungai-sungai yang jernih tadi, kita bebaskan daripada pembayaran. Kereta-kereta yang telah masuk dan hendak keluar hendaklah diadakan kawalan yang ketat. Sebab kita kluatir pelancang-pelancang yang masuk dalam kawasan ini ada mempunyai kesempatan sebab kanzah yang luar biasa yang ada dalam hutan kita seperti badak sumbu, burong, pokok-pokok bunga dan tumbuhan istimewa, mereka akan bawa keluar. Ini juga patut kita jaga.

Begitu juga akar kayu yang ajaib ada di sini, kalau diambil akar kayu dan minyak yang ajaib di kawasan itu hilanglah kanzah yang tentu nilai begitu tinggi, lama kelamaan dia akan hilang. Ini juga patut kita kawal. Dan orang-orang di dunia luar sungguh tertarik dengan apa yang ada dalam kanzah Taman Negara dan hutan negara kita kerana ada macam-macam kanzah. Umpamanya kalau dia percaya benda-benda yang khayal-khayal itu. Sebab orang-orang Amerika juga orang-orang barat pun percaya benda yang khayal-khayal, misalnya saya kata dalam kawasan Taman Negara kita ini ada Orang Asli, Orang Asli ada menjual minyak senyoyong. Minyak ini kalau dilekatkan kepada orang lelaki akan berkejaran orang wanita kepadanya, begitulah sebaliknya. Jadi hal-hal yang semacam ini ada keistimewaan terutama di Sarawak, saya fikir.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat akhir ini, saya cuma hendak membuat ulasan, seperti kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa daripada Taman Negara ini akan melahirkan keaslian benih-penh pokok langsung, durian, rambutan dan lain-lain dan daripada ini juga akan diambil benih yang tidak akan putus-putus dan di tempat ini juga akan dijadikan tempat penyelidikan daripada universiti kita di dalam tanahair kita ini berhubung dengan satu-satu jusuk. Jadi saya menyentuh masalah buah-buahan sahaja umpamanya buah durian. Buah durian dari hutan rimba berlainan dengan durian yang di luar atau dalam bandar, ia mempunyai duri yang panjang dan pangsa yang lekat tetapi buah durian ini boleh dimakan oleh gajah. Jadi kalau diambil durian ini dan dianalisa oleh MARDI serta digunakan untuk petani kita, durian ini tidak begitu lekas longkang ertinya ia tahan panas untuk beberapa lama. Ini

kalau kita ambil dan proses umpamanya MARDI membuat penyelidikan atau siasat dan jadikan durian umum supaya kalau ia dapat disebar kepada orangramai, ia boleh tahan tidak merekah dua tiga minggu. Ini sangat berhasil dan sangat berguna. Durian-durian hutan yang ada dalam khazanah negara kita termasuklah juga langsung, langsung ini lama-lama akan pupus, sebab langsung yang ditanam di luar oleh petani-petani kita ini akan pupus dengan sebab adanya musuh. Dahulu orang tidak mempercayai bahawa tupai itu boleh menyuburkan pokok langsung, sebab tupai itu akan memakan segala ulat-ulat yang ada pada pangkal langsung, tetapi sekarang tupai sudah banyak dibunuh, kurangnya tupai, langsungnya akan pupus dan gondol pokok itu. Langsung di kampung kita begitu murah tetapi ada benihnya di hutan.

Dalam masalah ini cuba MARDI membuat penyelidikan supaya buah-buah langsung yang didapati menjadi seperti langsung pelembang yang mempunyai buah tidak berbiji, jadi langsung kita yang di kampung ini kalau kita beli 10 biji, isinya kecil sangat. Jadi sambil membuat analisa, cuba kita perbaiki buah langsung hutan termasuklah juga minyak yang ada di dalam hutan belantara iaitu minyak sengkawang. Minyak sengkawang ini ialah satu jenis minyak yang beku, nilai dan mutunya sama dengan minyak sapi kalau orang bijak membuatnya. Buah sengkawang itu pula boleh buat mainan anak-anak bila dijadikan kumbang, ia boleh mengaum, itu tradisi orang-orang zaman dahulu, sebab mereka tidak tahu hiburan seperti yang ada ini. Minyak sengkawang itu kalau diproses akan jadi satu jenis minyak makan yang kita boleh harap satu ketika kelak akan mempunyai mutu yang tinggi yang lebih baik daripada minyak sapi, sebab minyak sapi yang ada sekarang bukan minyak sapi, tetapi ialah minyak lemak kambing, lemak lembu, kelapa sawit—bukan asli, tidak ada minyak sapi lagi. Jadi minyak sengkawang yang saya katakan ini sekiranya darjahnya tinggi daripada minyak yang lain, kita boleh ambil benih-benih pokok-pokok sengkawang ini, kita berikan kepada petani kita supaya ditanam, dibiakkan.

Ada satu jenis buah di hutan lagi iaitu buah pauh atau asam kemang. Asam kemang jenisnya manis, sepokok ia mem-

punyai buah beribu-ribu dan disukai oleh orang zaman dahulu, boleh dijerok dan boleh menambahkan hasil, kalau boleh dibiakkan kepada petani kita, boleh menambahkan dan mendatangkan hasil kepada mereka. Asam kemang ini pokoknya besar, barangkali Tuan Yang di-Pertua pun faham, pokoknya besar dan ia mempunyai buah yang banyak. Saya rasa tidak usahlah saya ulas banyak-banyak dalam Dewan ini. Saya tahu ada 50 jenis buah yang ada dalam hutan belantara kita ini dan saya boleh kemukakan dalam Dewan ini tetapi oleh sebab saya hendak menghormati sahabat-sahabat saya yang hendak bercakap di sini, saya berhentikan setakat ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Dr Wee Khoon Hock.

5.16 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas mengemukakan Rang Undang-undang ini yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan sekarang dikemukakan pula di Dewan yang mulia ini untuk perbincangan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat saya memberi saya jalan, saya suka bertanya dalam masalah mengemukakan Rang Undang-undang ini sama ada Tuan Yang di-Pertua telah mengesahkan bahawa Rang Undang-undang ini mengikut peraturan kita iaitu Perkara 79 Perlembagaan. Kalau tidak salah saya daripada tajuk Rang Undang-undang ini, ialah berkenaan dengan membuat satu Akta bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan pengawalan Taman-taman Negara.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kuasa membuat undang-undang telah ditetapkan dalam Perlembagaan kita, ada yang digelarkan Federal List, State List, Concurrent List. Saya nampak undang-undang yang dibentangkan sekarang ini ialah

dalam Taman Negara yang asal yang dimiliki oleh tiga buah negeri itu kerana Undang-undang yang ada dalam Taman Negara yang asal itu terlampau ketat. Banyak masalah yang timbul, kerumitan yang berlaku, penangkapan yang kadang-kadang tidak diduga oleh penjaga-penjaga kawasan tersebut yang disifatkan mencerobohi kawasan Taman Negara sedangkan mereka itu adalah hidupnya kais pagi makan pagi, kadangkala mencari buah-buahan, mencari kehidupan yang biasa melalui kawasan tersebut. Ini pernah berlaku dan inilah sebahagian penderitaan rakyat di kawasan yang hampir dengan Taman Negara.

Saya tidak bermaksud hendak bergurindam dalam Dewan ini tetapi hendak mencurahkan hati bagaimana siksanya mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan Taman Negara dan Taman Negara itu tempat hidup segala binatang-binatang liar, jadi bererti bahawasanya Kerajaan lebih mementingkan binatang daripada rakyatnya sendiri yang bernyawa. Sudahlah itu dengan bermacam-macam tohmah mengatakan bermacam-macam yang membawa keadaan yang boleh mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya nyatakan lagi sekarang ini bahawa Taman Negara yang ada di negeri Pahang yang bersempadan dengan Kelantan dan Trengganu yang jalan itu kelak akan dilalui oleh pembangunan jalanraya, Highway Gua Musang ke Kuala Lipis. Oleh sebab pembangunan jalan ini hanya diusahakan daripada Padang Tengku, Kuala Lipis ke Merapoh dan belum lagi dibuat daripada Merapoh ke Gua Musang bolehkah Kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri yang baik hati melonggarkan syarat-syarat ini supaya pembangunan jalan ini boleh dibuat dengan lebih licin dan teratur. Kalau ini tidak boleh dibuat, pihak Jabatan Kerjaraya Persekutuan akan mengalih alignment ini kepada pihak sebelah kerana akan menurun jalan itu ke Raub, maka matilah bandar tua Kuala Lipis dan hilanglah mata pencarian rakyat di sekitarnya. Inilah kata pepatah Melayu: Koyak songkok dek lonjak, koyak baju dek lenggang, roboh kasut dek hentak. Kalau tahu ini daripada asal, Kerajaan Pahang tidak akan memberi Taman Negara ini kepada Kerajaan walaupun ia dituduh tidak bersimpati dengan kayu yang berumur 30,000 juta tahun, juga tahun yang sama timbulnya dengan Peninsular Malaysia

ini pada zaman dahulu kala, di zaman beratus ribu tahun dahulu. Kepakaran itu kadang-kadang membawa telahan yang tak dapat kita terima. Umur kayu akan tumbang sebab ianya hidup dan kalau kurang makan dan baja ia akan tumbang, akan tumbuhlah anak-anaknya lagi sekali, inilah proses kayu-kayan.

Saya bukan membela sebab saya seorang pembalok tetapi lumrah alam apabila ianya ditumbuhi oleh lebih 8,000 jenis tumbuhan-tumbuhan dalam negara kita ini, dalam tempoh yang tidak lama dia boleh dikeluarkan semula, Pejabat Perhutanan boleh membetulkan, beliau boleh membenarkan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang pembukaan tanah pembalakan dalam kawasan itu. Ertinya pokok-pokok yang di dalam kawasan itu telah membesar yang boleh ditebang dan diberi lesen oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah disifatkan saya membangkang atau mengecam saya seorang yang anti Undang-undang ini—tidak, tetapi cuma saya mengkaji kesan daripadanya yang telah kami rasai, hanya saya menceritakan perihalnya, jangan ketawa dahulu sebab ketawa itu banyak kawan tetapi kalau kita duka, susah, kita menanggungnya seorang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu inilah madah saya yang saya mohon Menteri menimbangkan kelonggaran kalau ada kemajuan dibuat kepada Undang-undang yang lama, bukan Undang-undang ini. Undang-undang ini sudah nyata ada dan saya berasa lebih baik Undang-undang ini daripada Undang-undang tahun 1939, tetapi apa yang saya nyatakan tadi Undang-undang yang lama itu masih ketat, seketat-ketatnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh melangkah ke kawasan Taman Negara. Pernah satu ketika

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Saya gemar hendak minta huraian daripada Ahli Yang Berhormat itu, “ketat” yang dikatakan Undang-undang yang dahulu itu adakah sampai tak boleh masuk? (*Ketawa*).

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, tidak usahlah saya jawab secara terang. Banyak benua yang telah dilalui, banyak lautan yang telah

ditempuh, maksud saya kalau tak erti, "Allahu rabbi" (*Ketawa*) tidak dapatlah saya jawab. Ahli Yang Berhormat itu pernah menjadi wakil Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu (*Ketawa*). Bagaimana ketat itu boleh masuk lagi (*Ketawa*) yang tak lulus itu baru tak boleh masuk.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya beri peluang kepada sahabat-sahabat yang lain. Sebelum itu saya hendak sentuh satu dua perkara di dalam Bil ini, iaitu berbalik kepada Bil yang kita sudah bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah nyata dan zahir kepada kita walaupun ia belum lagi berlaku, Undang-undang ini tentulah maksudnya akan berlaku kepada Endau/Rompin. Endau dalam Johor dan Rompin dalam Pahang. Di sini dinyatakan cuma Pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan, iaitu seksyen 7 (1), dan (2), jadi bagaimana pula kalau Pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan. Undang-undang ini dibuat di antara dua sekali—Endau/Rompin, tak ada beza. Saya tidak faham barangkali tidak ada perbezaan, barangkali penerangan saya itu berlawanan. Kalau sekiranya tidak ada perbezaan satu Undang-undang sahaja untuk Endau/Rompin maka Pengerusinya Setiausaha Kerajaan sebuah negeri di mana taman itu terletak, bagaimana gayanya kalau sekiranya dua Setiausaha Kerajaan itu ada pada dua buah negeri? Dalam Undang-undang ini tidak disebutkan yang seorang Setiausaha lagi itu menjadi Ahli Tetap di dalam Undang-undang ini. Jadi kalau maksudnya dipecahkan itu saya ingat betul-betul kepada ini tetapi kalau disatukan maknanya kalau Setiausaha Kerajaan Johor yang jadi Pengerusi Jawatankuasa itu, Setiausaha Kerajaan Pahang di mana duduknya sedangkan dia tidak menjadi Ahli Jawatankuasa. Ini saya minta ditimbang supaya ianya boleh disebut atau boleh menjadi sebagaimana kata Yang Berhormat tadi boleh digilir-gilirkan, tahun ini atau tahun depan orang ini menerima. Itu yang pertama.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menegur undang-undang ini sebab saya juga ahli yang sukakan keindahan alam. Akan tetapi saya tidak faham adakah Taman Negara ini kelak ialah tempat untuk memelihara segala barang yang lama, pokok-pokok lama untuk kajian sains,

sejarah dan sebagainya akan juga dijadikan sebahagian daripada tempat pelancungan. Kalau ianya dijadikan tempat pelancungan kerana ada maksudnya ditubuhkan motel atau hotel, atau kediaman ianya hendaklah merupakan satu tempat yang boleh kita menyimpan atau menyaksikan binatang-binatang yang biasa ada dalam negara kita ini.

Umpamanya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Rancangan Tanah Persekutuan (FELDA) memang meminta dengan usaha Jabatan Mergastua supaya memindahkan gajah-gajahnya yang ada di hutan Jengka kerana hutan itu sudah sempit dan dikelilingi oleh kawasan yang telah diusahakan. Kalau ada usaha ini patutlah ianya dipindahkan dengan apa cara. Usaha ini sudah dibuat tetapi kewangannya sedikit, jadi masih banyak lagi gajah itu yang merosakkan tanaman dan dikira pada tiap-tiap tahun hampir beratus ribu ringgit telah menempuh kerugian dan sekarang ini berjuta ringgit yang telah dibelanjakan sudah dimusnah oleh binatang ini. Binatang ini kelak akan masuk dalam Taman Negara maka usaha itulah yang patut diberi bantuan kepada mana-mana badan.

Saya berharap dan berdoa bahawasanya badak yang ada enam ekor dalam kawasan Rompin itu panjang umurnya sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri badak ini ada sumbu. Sumbu badak ini ubat yang paling baik, kalau luka atau tertinggal bahan-bahan luka itu di dalam kulit tubuh kita, dengan kita bubuh air sumbu badak itu dia keluar semula.

Oleh sebab banyak orang-orang kita ini masih lagi percaya kepada ubat tradisional maka pemeliharaan ini haruslah perlu diteliti, janganlah dimasukkan binatang Badak sumbu ini dalam kawasan itu dengan tidak ada penjagaan atau pengawasan sebab harga sumbu badak ini sangat berharga. Sampai sekarang ini beribu-ribu ringgit harganya satu sumbu badak yang panjangnya lebih kurang sejengkal dan kalau tidak diberi pengawasan yang betul-betul rapi usaha hendak menghidupkan badak ini pula akan gagal.

Tambahan pula badak ini terlampau manja, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada tempat berenang dia juga akan mati. Jadi bukanlah manusia sahaja yang mematikan dia, kehendak alam ini sendiripun boleh mematikan dia, berkehendak kepada kolam, tempat dia berenang, menyelumbu mesti ada dan sebagainya selain daripada rumput-rumpai yang dia biasa makan. Dia bukan memilih semua sekali tetapi ada jenis-jenis rumput yang dimakannya dan rumput-rumput ini perlu ditanam dan dikaji dengan sebaik-baiknya.

Saya bukan seorang ahli kaji haiwan, tetapi inilah pendapat daripada pengalaman sepanjang jalan bertemu dengan orang tua-tua yang telah berumur dan berpengalaman berhubung dengan hal-hal badak ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya menyokong Bil ini diluluskan. Jadi saya merayu apa yang saya ucapkan itu akan mendapat perhatian daripada Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

6.05 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 1972 di Dewan yang mulia ini semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 yang mana saya telah mengatakan bahawa Akta itu akan menjadi satu piagam kepada haiwan-haiwan ataupun Animal's Charter dan pada hari ini kita mengemukakan satu lagi Rang Undang-undang yang boleh kita anggapkan sebagai Piagam Tumbuh-tumbuhan ataupun Fauna-Flora Charter.

Saya rasa masalah untuk mengekalkan alam semula jadi ini tidak menjadi masalah besar kepada kita semua. Tidak ada manusia yang tidak sukakan alam semula jadi kecuali orang-orang itu orang yang tidak waras.

Saya bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita mengambil masa begitu panjang, pada tahun 1972 hinggalah sekarang tahun 1980 bila kita kemukakan lagi satu Rang Undang-undang yang tujuannya hampir sama. Pada tahun 1972 berkenaan dengan haiwan, hari ini memperlindungan tumbuh-tumbuhan. Kenapakah begitu lama kita mengambil masa. Ini memang ada masalah-

nya dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sungguhpun dia tidak menjelaskan dalam huraianya, saya percaya beliau akan menerangkan kepada kita kenapa Kerajaan mengambil masa yang panjang hendak meluluskan undang-undang sedemikian ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu daripada Rang Undang-undang yang melibatkan bukan sahaja Kerajaan Persekutuan, tetapi juga Kerajaan Negeri dan saya mahu bila Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, ini mendapat persetujuan bukan sahaja oleh Ahli-ahli yang ada di baris ini tetapi juga yang pentingnya Ahli-ahli di baris sebelah sana yang mewakili negeri-negeri. Janganlah ada tuduhan kemudian hari yang wakil-wakil negeri tidak mempunyai kesempatan bercakap atas masalah yang penting.

Saya timbulkan masalah tadi, Tuan Yang di-Pertua, atas Point of Order supaya menentukan bahawa Rang Undang-undang yang kita hendak luluskan ini bukan sahaja mengikut peraturan yang telah diwajibkan di dalam Perlembagaan dan Peraturan Mesyuarat kita tetapi juga mendapat persetujuan rakyat jelata termasuk rakyat negeri-negeri yang diwakili oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri-negeri dan juga rakyat biasa. Ini penting supaya jangan disalah sangka nanti.

Saya juga berasa hairan kalau kita tengok di dalam Rang Undang-undang ini bahawa Akta Taman Negara, 1979 itu tidak akan dipakai kepada negeri Yang Berhormat Menteri sendiri, negeri Sarawak dan juga negeri Sabah. Ini mungkin ada sebab-sebabnya. Mungkin negeri-negeri itu tidak mahu duduk di bawah telunjuk Kerajaan Persekutuan—mungkin, saya tidak tahulah. Jadi saya rasa kalau negeri-negeri yang ada di Semenanjung ini bersetuju untuk kebaikan umum, kebaikan rakyat semua, saya mintalah kalau dapat tiap-tiap Kerajaan Negeri bersetuju atas menjayakan undang-undang ini. Mungkin ada sebab-sebabnya yang Enakmen Taman Negara Kelantan, Pahang dan Trengganu tidak juga dipakai di bawah Rang Undang-undang ini. Jadi kalau saya mengerti maksud Rang Undang-undang ini bahawa Taman Negara yang ada sekarang ini di Tembeling yang bersempadan dengan Kelantan/Trengganu itu tidaklah dipakai di bawah Akta ini, mereka masih lagi mengikut

enakmen-enakmen masing-masing. Ini juga saya rasa perlu mendapat penjelasan kenapa yang kita biarkan sedemikian, terpaksa pula mempunyai dua-tiga enakmen yang mana pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugasnya terpaksa merujuk. Ada baiknya kalau kita satukan supaya senang.

Dalam masalah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, bila saya baca Rang Undang-undang ini dan saya baca Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 saya nampak banyak perkara-perkara yang bertindih. Kalau kita tengok dalam maksud-maksud Rang Undang-undang ini di bawah Fasal 4 ada disebutkan:

4. Tujuan penubuhan Taman-taman Negara ialah untuk memelihara dan memperlindungi hidupan liar, hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kajipurba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai.

Jadi, di sini disebutkan dua perkara sahaja. Apa yang saya hendak sentuh iaitu pertama, hidupan liar dan kedua, hidupan tumbuh-tumbuhan. Sebenarnya memperlindungi hidupan liar telahpun ada di bawah peruntukan Akta yang saya sebutkan tadi iaitu Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Kita mengambil masa yang panjang rasa saya semasa kita hendak meluluskan Akta itu dan Akta itu telahpun dipinda sekali pada tahun 1976. Jadi, hari ini ada lagi peruntukan yang kita buat dalam undang-undang untuk memperlindungi hidupan liar.

Saya rasa perkara ini sungguhpun bertindih tetapi tidak bercanggah, mungkin susah kita hendak asingkan hidupan liar dalam kawasan Taman Negara. Mungkin ada sebab-sebabnya Yang Berhormat Menteri nanti boleh meyakinkan saya yang beliau terpaksa berbuat demikian.

Yang penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam tujuan di bawah Fasal 4 ini kita hendak selain daripada memperlindungi hidupan liar yang mana sahabat-sahabat saya telah menyentuh tadi, kita juga mahu memperlindungi hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kepentingan kajibumi, kajipurba, sejarah dan etnologi dan lain-lain

kepentingan dari segi sains dan pemandangan. Rasa saya yang patut kita tekankan ialah memperlindungi hidupan tumbuh-tumbuhan; ini yang belum ada satu perlindungan setakat ini, perlindungan yang secara leluasa. Saya tahu kalau kita pandangkan di Malaysia kita ini satu kawasan yang mempunyai rain forest—saya pun tidak tahu apa Bahasa Melayunya—ialah di Sarawak, ini telah diperakui oleh pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini, tetapi malangnya Sarawak tak masuk dalam undang-undang ini, dia terlepas. Saya harap seperti yang saya sentuh tadi, Sarawak akan menimbangkan semula supaya bersetuju memberi kerjasama di dalam Akta ini. Kalau kita pandang kepada tumbuh-tumbuhan yang ada di Semenanjung Malaysia ini memang ada lagi, ada yang perlu dilindungi. Kalau kita pandang kegiatan yang berlaku untuk mengembangkan ekonomi, kita tidak silu-silu lagi membinasakan tumbuh-tumbuhan kita lupa bahawa pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan itu menjadi satu bahan penting menentukan iklim di dalam sesuatu negara.

Saya teringat satu cerita yang dibuat oleh seorang kawan saya daripada Brazil. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Brazil mempunyai satu kawasan yang luas berkenaan dengan hutan tropika. Yang sebenarnya mengikut pakar-pakar daripada hutan Brazil, daripada kawasan Amazon, situlah rakyat daripada Amerika Utara mendapat oksigen. Dan ada ura-ura Kerajaan Brazil hendak menebang hutan itu supaya membangunkan negara itu dan ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan oksigen terhadap rakyat di Utara Amerika sehinggalah sahabat saya daripada Brazil menyatakan “kalau kita tahu sekian lama kita boleh kenakan sewa bagi rakyat Amerika Utara kerana menggunakan oksigen kita.” Ini bukan sahaja di Amerika tetapi di sini juga kita dapat tengok bagaimana iklim kita telah kelim-kabut, masa hujan tak hujan, masa yang kita anggap sebagai waktu panas tiba-tiba hujan. Ini oleh kerana bila kita lihat dan kita kaji ialah oleh kerana penebangan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan. Kalau kita tengok di sempadan Pahang dan Selangor, di Banjaran Titiwangsa banyak hutan yang telah ditebang. Ini sedikit sebanyak memang melibatkan iklim negara kita. Ini tak boleh dinafikan. Begitu juga

dengan banjir yang tiba-tiba datang. Ini juga akibat daripada penebangan tumbuh-tumbuhan atau kayu-kayu dengan tidak mengira secara betul. Dengan ertikata lain, Tuan Yang di-Pertua, semua perbuatan ini ada kait-mengait dengan iklim negara kita, iklim yang kita kehendaki, tetapi apa yang berlaku tak disangka-sangka perkara ini berlaku, kita harap hujan, hujan tak datang, tetapi kita tak sedar yang kita sendiri membuatnya oleh kerana penebangan pokok-pokok dan sebagainya. Inilah yang telah mengakibatkan cuaca kita berubah. Di sini saya rasa, bila kita telah mewujudkan undang-undang sedemikian maka dapatlah sedikit sebanyak kita mengawal iklim negara kita. Kita dapat mengawal tumbuh-tumbuhan yang indah permai yang ada di dalam negara kita yang sangat penting bagi kehidupan bukan sahaja haiwan tetapi juga manusia.

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan ini juga kita bukan sahaja hendak melindungi tumbuh-tumbuhan tetapi apa juga yang penting ialah mana-mana kawasan laut. Ini tidak kurang pentingnya. Saya masih ingat saya pergi ke Pulau Perhentian di Trengganu tidak berapa lama dahulu, dan bagi sahabat-sahabat saya yang biasa menyelam mereka akan dapat menengok betapa indahnya batu karang itu. Mereka yang belum pergi atau belum lagi melihat, pergilah ke Pulau Perhentian atau Pulau Tioman. Di situ ada tempat-tempat yang mana kita boleh melihat keindahan laut kita.

Saya baru balik daripada Pantai Timur Australia melihat sebentar The Great Barrier Reef dan saya tidak boleh hendak ceritakan betapa cantiknya tempat itu, betapa indahnya alam semulajadi yang boleh kita saksikan dengan mata kita sendiri. Tetapi nampaknya di sini kita tidak mengambil berat untuk melindungi batu-batu karang yang begitu indah yang ada di pantai-pantai kita sendiri.

Saya harap apabila undang-undang ini diluluskan kawasan-kawasan tertentu yang mana keindahan semulajadinya nyata dapat

diperlindungi. Kalau kita lihat di Pulau Langkawi ataupun di Pantai Timur, Kelantan dan Trengganu sudah banyak batu-batu karang yang telah binasa yang tidak lagi hidup oleh kerana dibinasakan oleh manusia. Ini memerlukan kawalan yang rapi.

Saya tidak mahu bila Rang Undang-undang ini lulus dan telah jadi undang-undang kita tidak mempunyai pegawai penguatkuasa untuk menentukan yang alam semulajadi baik di laut ataupun di darat dapat diperlindungi. Ramai sekarang ini kanak-kanak kecil untuk mendapat sedikit mata pencarian datang berjual di pantai-pantai batu karang yang sengaja dibinasakan. Pada saya itu satu perbuatan jenayah, tetapi bila kita pandangan kepada anak-anak yang kecil ini kita mengerti mengapa mereka berjaja sedemikian, tetapi inilah perkara yang kita patut lindungi kerana ini mempunyai banyak kesan pada lautan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berbalik sedikit kepada bakal Taman Negara yang akan kita wujudkan nanti. Inilah kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan sahabat-sahabatnya di Kerajaan Persekutuan untuk meyakinkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menyerahkan hak-hak mereka kepada Kerajaan Pusat. Kalau kita lihat di bawah Fasal 3 (1) kita nampak bahawa:

“3 (1) Pihakberkuasa Negeri boleh di atas permintaan Menteri merezabkan mana-mana tanah Negeri dalam kawasan Negeri itu (termasuklah mana-mana kawasan laut) bagi maksud suatu Taman Negara di bawah suatu nama yang akan diberi kepadanya”.

Di sini kalau kita boleh buat siapa jalan dahulu, siapa jalan kemudian, ini bermakna Menteri Persekutuan datang memujuk Kerajaan Negeri supaya menyerahkan suatu kawasan supaya direzabkan kawasan itu sebagai Taman Negara. Bila Kerajaan Negeri sudah bersetuju melepaskan haknya atau bersetuju merezabkan Taman tadi maka terikatlah Kerajaan Negeri mengikut Fasal 3 (3) dalam Rang Undang-undang ini yang mengatakan:

“Perezapan sesuatu kawasan sebahagian darinya di bawah seksyen ini tidak boleh dibatalkan oleh Pihakberkuasa Negeri kecuali dengan persetujuan bertulis dari Menteri.”

Ini hendak pandai-pandailah siapa hendak mengeluarkan dahulu, kalau sudah dilepaskan tidak dapat balik. Tetapi rasa saya demi kebaikan rakyat kita keseluruhannya bukan kita pandang dari negeri sahaja, saya percaya tiap-tiap Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan kawasan-kawasan yang boleh kita anggapkan menjadi keuntungan kepada semua rakyat jelata. Itulah sebabnya saya timbulkan masalah ini bukan kerana apa, kerana kita tidak mahu kesangsian timbul kemudian hari yang mana Kerajaan Negeri mengatakan kita tidak tahu maksudnya dan Ahli-ahli Dewan Negara dituduh meluluskan dengan sewenang-wenangnya. Itulah sebabnya saya timbulkan perkara di bawah Perlembagaan tadi supaya kita jelas dan terang bahawa apa juga undang-undang yang kita luluskan ini kita luluskan dengan mata terbuka supaya tidak ada orang yang boleh

mengatakan sebelah pihak telah dipertainkan, kita tidak hendak begitu. Kita hendak yang kita luluskan ini setelah kita menimbang dengan sehalus-halusnya, baik buruknya dan itulah sebabnya kita sanggup meluluskan. Bagi saya tidak ada tolak ansurnya asal kita mengadakan undang-undang yang boleh melindungi tumbuh-tumbuhan dan kehidupan liar, saya sokong 100%. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.